

**Jilid IV
No. 34**



**Hari Selasa
13hb Februari, 1968**

PERBAHATHAN PARLIMEN

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL KEEMPAT

PENYATA RASMI

KANDONGAN-NYA

**JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan
5153]**

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Perbekalan, 1968—

Jawatan-kuasa Perbekalan (Hari Yang Kelapan)—

Kepala² B. 17, B. 18 dan B. 19 [Ruangan 5172]

**Kepala² B. 22, B. 23, B. 24, B. 25, B. 26, B. 27 dan
B. 28 [Ruangan 5185]**

Kepala B. 29 [Ruangan 5235]



MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi

Hari Selasa, 13hb Februari, 1968

Persidangan bermula pada pukul 10.00 pagi

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Pengangkutan, Y.B. TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian dan Menteri Ke'adilan, DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Muda Kewangan, DR NG KAM POH, J.P. (Teluk Anson).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH (Raub).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri, TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).

- Yang Berhormat TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).
- „ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'AID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).
- „ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN, A.M.N. (Sarawak).
- „ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID (Johor Bahru Timor).
- Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH BIN HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- Yang Berhormat TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- „ TUAN GANING BIN JANGKAT (Sabah).
- „ TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
- „ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
- „ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- Yang Berbahagia TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).

Yang Berhormat PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, K.M.N., Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).

„ TUAN KADAM ANAK KIAI (Sarawak).

„ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).

„ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Sarawak).

„ TUAN KHOO PENG LOONG (Sarawak).

„ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).

„ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).

„ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).

„ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).

„ TUAN T. MAHIMA SINGH, J.M.N., J.P. (Port Dickson).

„ TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).

„ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).

„ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).

„ TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P. (Jelebu-Jempol).

„ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

„ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

„ TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungei Patani).

„ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).

„ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Mas Hilir).

„ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S. (Sarawak).

„ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

„ TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).

Yang Berbahagia TAN SRI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).

Yang Berhormat TUAN NG FAH YAM (Batu Gajah).

„ TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).

„ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).

„ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).

„ TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).

„ TUAN RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).

„ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).

„ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).

„ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).

„ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).

„ TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).

„ TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).

Yang Berhormat TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).

- „ TUAN SULEIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K (Larut Utara).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN TAN TSAK YU (Sarawak).
- „ TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).
- „ TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADHIR:

Yang Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri,
Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M.
(Kuala Kedah).

- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, Y.B. TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ Menteri Muda Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN SULAIMAN BIN BULON (Bagan Datoh).
- „ Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan, ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., D.P.M.T., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).

Yang Berhormat WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM (Sarawak).

„ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).

„ DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).

„ TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).

Yang Amat Berbahagia TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).

„ TUAN LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).

„ TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).

„ TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).

„ TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).

„ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Pasir Puteh).

„ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).

„ WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K. (Sabah).

Yang Berhormat TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bahru Barat).

„ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).

„ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

„ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).

„ TUAN HAJI SULAIMAN BIN ALI (Dungun).

„ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).

„ TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).

„ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

„ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

ABOLITION OF DEVELOPMENT TAX

1. Dato' Ling Beng Siew (Sarawak) asks the Minister of Finance to state whether, in view of the hardship experienced by the businessmen during the present slump, he is considering abolishing the 5 per cent development tax.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin) (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, I have nothing further to add to my

remarks on this matter in my Budget speech.

BILANGAN PEGAWAI² TINGGI DI-M.S.A.

2. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad (Pasir Mas Hulu) bertanya kepada Menteri Pengangkutan ada-kah dia sedar bahawa M.S.A. ia-lah sa-buah pertubuhan yang ramai pegawai² tinggi dan banyak perbelanjaan boleh di-jimatkan untuk memajukan perusahaan kapal-terbang jika sa-tengah daripada jawatan yang tidak mustahak dan berlebihan itu di-hapuskan, dan ada-kah dia akan mengambil langkah menjimatkan wang.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ketahui bagaimana atau daripada mana

Ahli Yang Berhormat ini telah mendapat kenyataan bahawa Pertubuhan Sharikat Penerbangan Malaysia-Singapura terlalu banyak mempunyai pegawai² tinggi (*top heavy*). Sa-balek-nya dengan ada-nya perluasan Sharikat ini maka sharikat ini sangat² memerlukan pegawai² tinggi yang berpengalaman dan berkelulusan dan Ahli Yang Berhormat tentu ma'alum bahawa baharu² ini beberapa jawatan tinggi telah pun di-iklankan untuk di-penuhi. Saya ber-setuju supaya suatu usaha yang bertanggung-jawab untuk berjimat cermat di-jalankan dan saya memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa apabila saya yakin bahawa perkhidmatan ini dapat di-laksanakan oleh sharikat ini dalam apa bentuk sa-kali pun, saya tidak akan ragu² untuk mengerahkan supaya perkara ini di-laksanakan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, soal tambahan; memandang kepada jawapan² dan betapa banyak-nya soalan² lisan yang di-hadapkan kepada Kementerian ini berkenaan dengan M.S.A., dapat-kah Menteri Yang Berhormat ini memberi laporan tiga kali sa-tahun supaya tidak-lah bising sangat berkenaan dengan M.S.A. ini. Jadi dapat-kah Kerajaan membuat laporan yang begitu?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Sharikat Penerbangan M.S.A. atau Malaysia-Singapore ini satu sharikat *commercial*; maka tiap² tahun memang ada-lah mengeluarkan segala² apa juga keterangan—keuntungan, kerugian dan lain² lagi. Tiap² bulan ada report-nya, tetapi hendak adakan perkara repot² tiap² tiga bulan, pejabat Kerajaan pun tidak ada di-buat. Maka soal² yang banyak ini bukan-lah soal dasar (*policy*) yang sa-benar-nya Kerajaan Malaysia dan Singapura, dan Menteri yang bertanggung-jawab atas Penerbangan 'Awam ini hanya menjawab di-dalam Rumah, Yang Berhormat itu atas dasar (*policy*); tidak-lah rumah-tangga di-dalam sharikat² yang berdasarkan *commercial* seperti Sri Jaya, NETS Bas, macham² lagi shambat² bas lagi yang ada sa-bagai *commercial* *undertaking*.

SUSUNAN KAKI-TANGAN DI-M.S.A.

3. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad bertanya kepada Menteri Pengangkutan:

- (a) ada-kah dia berpuas hati dengan susunan M.S.A. sekarang ini yang menyebelahi Singapura;
- (b) ada-kah dia sedar di-Lapangan Terbang Kuala Lumpur, semua pegawai² yang menguruskan penumpang² ada-lah daripada orang bukan Melayu dan sa-tengah daripada mereka bedza membezakan kerani² terafik Melayu dan penyambut² pejabat bangsa Melayu terutama sa-kali berhubung dengan masa bertugas dan masa rehat di-mana mereka di-beri masa berhenti makan atau berbuka puasa hanya sa-lepas masa biasa, dan jika sedar, boleh-kah dia memberi jaminan supaya pegawai bertugas menetapkan kaki-tangan² yang lain untuk bertugas menguruskan penerbangan memberi peluang kaki-tangan yang berpuasa berbuka puasa.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa perkara susunan Sharikat Penerbangan Malaysia/Singapura sekarang ini menguntongkan Singapura sementara di-dalam beberapa perkara yang lain menguntongkan Malaysia. Maka dengan sebab ada-nya faedah bersama ia-lah Sharikat Penerbangan ini telah dapat di-kendali sa-chara bersama. Saya harap Ahli Yang Berhormat faham tentang apa yang saya maksudkan ini, kerana sa-bahagian besar daripada pertanyaan² ini yang telah pun saya jawab di-dalam Persidangan Dewan ini pada masa² yang lalu. Jikalau ada Ahli Yang Berhormat mempunyai bukti menunjukkan ujud-nya bedza-mem-bedza terhadap satu golongan seperti yang jelas di-sebutkan di-dalam pertanyaan itu saya merasa sukachita untuk memperbaiki keadaan ini, jika sa-kira-nya beliau memberikan saya ma'alumat² sa-bagai bukti² yang tertentu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soal tambahan.

Berdasar kepada jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tadi bahawa perkongsian, atau pun kesharikatan di antara Malaysia dengan Singapura dalam M.S.A. ini sudut² yang tertentu Singapura untong, sudut² yang tertentu Malaysia untong. Jadi, siapa-kah yang lebih banyak dapat untong, itu dia tidak terangkan—ini yang Dewan ini hendak tahu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Sama² untong, sama² modal pun.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Dia sama² banyak untong—tidak ada lebih, tidak ada apa lagi.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, keuntongan bagitu-lah, kerana kita dalam Sharikat. Sa-kira-nya Yang Berhormat itu modal \$100 saya \$100, sama ada dia di-Kota Bharu saya di-Kuala Lumpur apabila perniagaan untong, kita bahagi sa-paroh².

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soal tambahan yang terakhir. Siapa banyak saham di-dalam M.S.A. itu—kita-kah, dia-kah?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Sama².

SISTEM MENGAWAL KAPAL-TERBANG² MASA MENDARAT DAN MENERBANG DI-LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA, SUBANG

4. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pengangkutan, oleh kerana Lapangan Terbang Antarabangsa Subang sa-tanding dengan Lapangan Terbang Antarabangsa lain di-Eropah, kenapa-kah untuk mendarat Ground Control Approach di-gunakan tetapi untuk memulakan penerbangan tiada apa² sistem di-gunakan, pada hal bagi mendarat dan memulakan penerbangan dalam kedua² keadaan ini kapal-terbang² lebih terdedah kepada bahaya daripada masa ia berada di-angkasa.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Dato' Yang di-Pertua, tugas *Ground Control Approach* ia-lah untuk memberi arahan² kepada pemandu² pesawat²

terbang yang akan mendarat untuk mengarahkan-nya ka-satu tempat daripada mana pendaratan boleh di-buat berhadapan dengan landasan serta di-bantu oleh lampu² yang ada di-landasan dan alat² pembantuan yang lain²-nya. Kalau pesawat hendak menaikkan maka sistem bantuan *Radio Navigation* adalah perlu, kalau ini-lah di-maksudkan oleh Yang Berhormat kerana pemandu kapal-terbang ini dapat melihat landasan dengan jelas-nya serta alat² bantuan yang lain²-nya serta lampu di-pinggir landasan garisan tengah dan tanda² lain di-landasan untuk mengarahkan pesawat²-nya dengan selamat.

Tiap² Sharikat Penerbangan telah meletakkan sa-rendah²-nya perengkat² untuk turun dan naik, jika sa-kira-nya keadaan yang ada sekarang ini ada-lah di-bawah perengkat yang di-letakkan untuk naik, maka biasa-nya pemandu² pesawat tersebut tidak akan berbuat demikian ada-lah menjadi tanggungjawab bagi satu perkara untuk menjamin bahawa arahan untuk pesawat naik ada-lah terjamin dan selamat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, ada-kah Menteri kita Yang Berhormat berpuas hati bahawa sistem dengan chara alat Navigation itu memuaskan bagi M.S.A. kita? Saya bertanya ini, Tuan Yang di-Pertua, untuk menjelaskan sedikit kerana chara kita menaikkan turun itu saya dapati ada berlain daripada segi teknik-nya daripada kapal² yang saya naik dan saya betul² mengambil interest dalam perkara ini tidak-lah pula saya hendak bagi perli atau pun sharahan tetapi saya minta Menteri kita ini menyatakan bahawa apa-kah dia berpuas hati dengan penyediaan *Radio Navigation* waktu dia hendak naik.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Lapangan Terbang International atau Antarabangsa kita yang di-Subang ini memang-lah sa-bagai sa-buah lapangan terbang yang di-akuī international, menyempurnakan standard atau kehendak² yang sa-kurang²-nya di-akuī oleh dunia international atau antara bangsa, maka Kerajaan Malaysia dengan senang hati telah pun menjalankan apa juga syarat²

itu; saya sa-bagai sa-orang Menteri tentu-lah akan berpandukan kepada dasar yang di-kehendaki bagaimana standard yang kita telah sempurnakan tuntutan daripada international standard.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan; soalan saya tadi tidak berjawab lagi. Saya bertanya ada-kah Yang Berhormat Menteri itu berpuas hati dengan Radio Navigation yang berjalan dalam M.S.A. kita, bukan berkenaan dengan kedudukan lapangan terbang itu standard tinggi atau pun tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Itu-lah, kalau kita bertanya soalan tambahan. Janganlah di-beri ucapan lagi—keliru-lah dia.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Pengerusi, saya tidak keliru. *International Organisation* mengaku sa-buah lapangan kapal terbang itu, bukan sahaja di-landasan-nya, itu panjang kuat dan juga segala² yang masuk radar-nya, masuk radio-nya. Ini di-tanyakan—Yang Berhormat itu tidak faham. Maka itu yang susah-nya. Saya puas hati mengikut *international standard* ini, habis.

Tuan Yang di-Pertua: habis.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya puas hati kalau jawab tegas begitu, sebab berkenaan dengan kapal-terbang saya berani *challenge* Menteri ini loyar, dia berbual kapal-terbang—saya berani *challenge* (Ketawa) kalau dia jawab begitu saya terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua.

MENDIRIKAN PERHENTIAN KAPAL TERBANG DI-KUALA LUMPUR SA-BAGAI TEMPAT TUMPUAN

5. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pengangkutan sama ada Kerajaan akan menimbang mendirikan sa-buah perhentian kapal terbang di-Kuala Lumpur sa-bagai tempat tumpuan untuk memudahkan penumpang² menempah rumah² tumpangan atau berhimpun sa-belum menuju Lapangan Terbang Antarabangsa Subang.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, perhatian telah pun di-beri sa-bagai menubuhkan sa-buah pusat penumpang² kapal terbang di-tengah² bandar Kuala Lumpur daripada mana penumpang dapat di-pungut dan di-turunkan di-International Airport. Tetapi, sa-hingga ini belum-lah dapat sa-buah tempat yang sesuai dan untuk menyenangkan atau mengurangkan kesulitan ini, perkhidmatan bas dan teksi telah pun di-sediakan di-antara Kuala Lumpur dan Hotel² yang utama di-dalam bandar ini untuk membolehkan penumpang² pergi balek ka-Lapangan Terbang International yang ada di-Subang ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua—sekarang sampai kepada peringkat siapa-kah lebeh mengerti dan siapa yang kurang mengerti, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan bagini tidak-kah air terminal itu menjadi salah satu syarat yang besar bagi mutu satu² lapangan terbang antara bangsa dan di-sini.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Di-mana² pun memang-lah perkara ia-lah pun *prestige*, tetapi lapangan terbang kita ini belum lagi di-kehendaki bagaimana di-London, di-New York, di-Singapura pun, kalau di-bandingkan dengan keadaan sekarang sebab itu sudah ada chadangan, tetapi kita sedang berunding dengan Kerajaan Negeri tempat yang sesuai, tidak-lah terburu² buat di-tengah² jalan—itu tidak kena tempat-nya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan; dengan jawapan itu dapat-kah Menteri itu mengaku sa-chara *gentleman* bahawa dengan tidak ada-nya *air terminal* itu erti-nya kedudukan lapangan terbang Subang kita belum up to date lagi?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ini tidak ada kena-mengena dengan lapangan terbang, ini yang biasa-nya di-buat oleh Sharikat Penerbangan. Kalau Ahli Yang Berhormat itu sudah sampai di-London, di-New York, barangkali faham: BOAC, PAN-AM,

macham di-Sydney, Australia, QUANTAS; kalau belum lagi, pergi tengok di-sana.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan tambahan, lagi, oleh kerana Menteri kita menchabar atau pun mengajak saya pergi ka-London atau pun Amerika (*Ketawa*). Apa-kah Kementerian ini sanggup memberi teket dan saya boleh pergi? (*Ketawa*).

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya tidak mempunyai kapal terbang. (*Ketawa*).

TANDA PELEKAT UNTUK MOTOKAR² DOKTOR

6. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pengangkutan sama ada Kerajaan akan menimbang membenarkan penggunaan pelekat tanda pada motokar² doktor untuk memudahkan mereka menjalankan tugas mereka, sa-bagaimana yang di-buat di-Eropah.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, mengenai hal ini saya telah pun memberi jawapan sa-chara bertulis kepada pertanyaan yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Malim, Yang Berhormat Tuan Lee Seck Fun, dalam Persidangan Dewan ini pada bulan November yang lalu, tetapi mengenangkan kerana Yang Berhormat ini ada di-hospital, tidak ada di-sini; maka, saya terangkan balek mengenai perkara yang saperti ini ia-itu sa-kira-nya ada permintaan untuk membuat peratoran yang demikian dari Kementerian Kesihatan atau pun *Medical Association*, maka satu jawatan-kuasa boleh-lah di-tubuhkan sa-bagai mengkaji juga perkara ini di-bandingkan dengan apa yang ada di-lain² negara.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan tambahan; oleh kerana Kerajaan kita ini merupakan Kerajaan *collective* walau pun saya dari pihak Pembangkang, Kerajaan saya juga ini, Kerajaan Malaysia, oleh itu kalau Yang Berhormat Menteri kita memandang perkara ini baik, apa-kah dia mesti menunggu permintaan daripada Kementerian lain baharu hendak di-buat atau pun dia mengemukakan kekurangan

yang ada di-dalam Kementerian yang lain itu?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, ini soal di-bawah Kementerian Kesihatan, bukan bawah Menteri Pengangkutan. Maka, kita chuma mengeluarkan, dan membenarkan label itu, kalau permohonan tidak ada, macham mana saya hendak mengadakan? Saya tidak bertanggung-jawab berkenaan dengan doktor² dan bukan dengan sumbar² ini. Saya hanya Menteri yang berkenaan pengangkutan, yang mempersetujuan atau pun membenarkan, itu sahaja.

BILANGAN LESEN² TEKSI YANG DI-KELUARKAN KAPADA BUMIPUTRA DI-SABAH

7. Tuan Ganing bin Jangkat bertanya kepada Menteri Pengangkutan:

- (a) berapa-kah bilangan² lesen² teksi yang di-keluarkan kepada bumiputera di-Sabah hingga hari ini;
- (b) jika bilangan lesen² teksi yang di-untokan bagi bumiputera² kurang daripada bilangan yang diberi kepada orang yang bukan bumiputera ada-kah beliau akan memberi peluang yang sama kepada bumiputera mendapatkan lesen² teksi, dan jika ya, bila.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, mengikut penyata jawatan-kuasa antara Kerajaan tahun 1962 sa-bagai berbentokkan Malaysia, kuasa untuk menyelenggarakan pelesenan kereta² sa-bagai membawa penompang² dan barang² di-Negeri Borneo ada-lah di-wakulkan sa-penohnya kepada Kerajaan² negeri itu untuk sa-lama 10 tahun sa-menjak dari tarikh pembentokan Malaysia. Oleh kerana kuasa untuk pemberian lesen² teksi itu di-Negeri Sabah telah di-beri kepada Kerajaan Negeri Sabah Ahli Yang Berhormat hendak-lah mengemukakan pertanyaan kepada Kerajaan Negeri Sabah.

BUREAU INSURAN MOTOR

8. Tuan Kam Woon Wah bertanya kepada Menteri Pengangkutan:

- (a) bila-kah Bureau Insuran Motor akan di-tubuhkan;

- (b) ada-kah Kerajaan, sa-belum menubuhkan Bureau Insuran Motor, akan membayar wang pampasan kepada mangsa² kemalangan jalan raya yang tiada mendapat pampasan daripada Sharikat² Insuran kerana bertentang dengan policy Insuran atau chuai mengambil insuran atau lain² sebab.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana Ahli Yang Berhormat telah maalam *Motor Insurance Bureau* telah pun di-tubuhkan pada 15hb Januari, 1968, dengan menanda tangani satu surat perjanjian antara Sharikat² Insuran dengan saya bagi pihak Kerajaan Malaysia. Oleh yang demikian soalan Ahli Yang Berhormat itu tidak-lah timbul dan saya harap Yang Berhormat itu puas hati-lah.

MEMBENA SA-BAUH PELABOHAN ANTARABANGSA DI-LUMUT

9. Tuan Kam Woon Wah (Sitiawan) bertanya kepada Menteri Pengangkutan sudah-kah beliau menerima laporan yang lengkap daripada Jawatan-kuasa Pelabohan mengenai kemungkinan menjadikan Lumut satu pelabohan antarabangsa dan jika sudah, bila-kah beliau akan memberi keputusan yang mu'tamad; jika belum, mengapa?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Jawatan-kuasa Penasihat Kawalan Pelabohan Lumut yang mengandongi wakil² Kementerian Pengangkutan dan Kerajaan Negeri telah di-lantek bagi menimbangkan beberapa permohonan daripada orang² persa-orangan, supaya tapak² perusahaan di-majukan di-Pantai Utara Dinding untuk di-bekalkan dengan pengkalan² persendirian. Jawatan-kuasa itu tidak di-bebankan dengan tanggung-jawab untuk menyiasat kemungkinan membena sa-buah pelabohan antara bangsa di-Lumut. Perkara membena sa-buah pelabohan di-Lumut telah di-kemukakan kepada Kumpulan Kajian Pengangkutan Malaysia untuk di-kaji sa-lanjut-nya. Keputusan sama ada hendak atau tidak membena pelabohan di-Lumut akan di-buat sa-telah laporan kumpulan itu di-timbangkan.

Tuan Kam Woon Wah (dengan izin): Could the Honourable Minister supply us with a copy of the Report?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya akan berhubung dengan Ahli Yang Berhormat itu sendiri.

MENYAMAKAN PELAJARAN DI-SEKOLAH² MENENGAH DI-SARAWAK DENGAN MALAYSIA BARAT

10. Tuan Edmund Langgu anak Saga (Sarawak) bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah Kementerian beliau telah membuat rancangan yang tetap supaya pelajaran Sekolah Menengah di-Sarawak di-samakan dengan pelajaran di-Malaysia Barat.

Menteri Muda Pelajaran (Tuan Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, dari segi ekadamik darjah dan mutu mata pelajaran menengah di-Sarawak ada-lah sa-tanding dengan pelajaran menengah di-Malaysia Barat. Berhubung dengan rancangan² pembangunan pula, semenjak hari aleh di-Malaysia sa-tiap usaha telah di-tumpukan dan di-jalankan untuk Kerajaan Persekutuan untuk menambah kemudahan² dan peluang² pelajaran kepada Sarawak dan Ahli Yang Berhormat itu tentu sedar bahawa jumlah perbelanjaan bagi rancangan² pelajaran di-Sarawak dalam rancangan Malaysia yang pertama ia-lah \$45 juta.

KUMPULAN WANG BAGI PELAJARAN SEKOLAH MENENGAH DI-SARAWAK, 1968

11. Tuan Edmund Langgu anak Saga bertanya kepada Menteri Pelajaran:

- (a) ada-kah benar kumpulan wang bagi pelajaran Sekolah Menengah di-Sarawak bagi tahun 1968 kurang dari apa yang di-untukkan pada tahun 1967;
- (b) ada-kah Kementerian beliau akan menimbangkan supaya kumpulan wang bagi Pelajaran Sekolah Menengah di-Sarawak bagi tahun 1968 di-tambah.

Tuan Lee Siok Yew: Ada-lah benar bahawa peruntukan bagi rancangan Sekolah² Menengah dalam tahun 1968

telah di-kurangkan sedikit, akan tetapi saya ingin meyakinkan Ahli Yang Berhormat itu bahawa tidak ada sebab untuk rasa bimbang dengan perkara ini, tidak ada apa² potongan yang di-buat bagi peruntukan kewangan untuk ranchangan Sekolah² Menengah di-Sarawak dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama. (Tahun 1967-tahun 1970) begitu juga dengan tidak ada potongan di-buat dalam ranchangan Sekolah² Menengah di-Sarawak, peranggaran kewangan tahun 1968 ada-lah merupakan kurang. Sa-bahagian besar-nya gambaran perbelanjaan yang di-anggar-kan bagi tahun itu.

PINJAMAN DARI BANK DUNIA UNTUK PELAJARAN SEKOLAH MENENGAH DI-SARAWAK

12. Tuan Edmund Langgu anak Saga bertanya kepada Menteri Pelajaran adakah wang sa-jumlah sa-puluh juta ringgit yang di-pinjam dari Bank Dunia dengan tujuan memperbaiki Pelajaran Sekolah Menengah di-Sarawak telah diluluskan, dan jika sudah, dapat-kah beliau memberitahu Dewan ini, bagaimana jumlah sa-puluh juta ringgit ini akan di-gunakan dan apa-kah ranchangan² yang telah di-susun bagi menggunakan wang ini.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, rundingan² dengan Bank Dunia bagi mendapatkan pinjaman untuk membiayai ranchangan usaha² pelajaran di-Malaysia belum lagi selesai. Saya akan hanya dapat memberi butir² yang lengkap sa-lepas rundingan² itu tamat, yang di-jangka, dalam bulan ini atau Mach.

SEBAB² GAJI GURU² BERIJAZAH TAIWAN DI-KURANGKAN

13. Dato' Ling Beng Siew (Sarawak) minta kepada Menteri Pelajaran terangkan sebab² mengapa gaji guru² berijazah Taiwan dengan tidak semena² di-kurangkan daripada \$330 menjadi \$225 sa-bulan dan ada-kah beliau sedar bahawa ini telah menimbulkan perasaan kesal yang amat sangat dari guru² berijazah Taiwan ini.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, tingkatan gaji guru² di-Sarawak ada-lah di-bawah kuasa Ke-

rajaan Negeri. Oleh yang demikian saya dukachita tidak dapat memberi jawapan kepada soalan ini.

Wan Abdul Rahman bin Datu Tuanku Bujang (Sarawak): Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri ini sedar bahawa ada di-kalangan guru² yang berijazah Taiwan itu berusaha memesonangkan ta'at setia murid² dari Malaysia ka-Taiwan.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

Dato' Ling Beng Siew: Mr Speaker, Sir, although education is a State affair, but the reduction of salaries of the Taiwan graduate teachers started from West Malaysia. I wonder if it is not high time for the Minister of Education to consider adjusting their salaries. As you know, these Taiwan graduates, have spent almost 12 years and, after all that, the salary they are getting is only \$225 which is not very much more than what those who have passed Senior Cambridge get, which is \$185.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawapkan soal² itu ia-lah perkara ini bertanggung-jawab kepada Kerajaan Negeri; jadi, jikalau Ahli Yang Berhormat itu tidak berpuas hati, boleh-lah membalekkan kepada Sarawak untuk perundingan kepada Kerajaan Negeri dahulu.

Dato' Ling Beng Siew: Mr Speaker, Sir, in my question I did not mention that this is only in Sarawak—it includes West Malaysia as well.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, West Malaysia ini memang-lah bertanggung-jawabkan kepada Kementerian saya berkenaan dengan gaji² bagi kepada graduate daripada Taiwan itu. Kita di-Malaysia Barat ini tidak tetapkan berapa-kah gaji hendak di-bagi. Kita hendak ada-lah orang² mengajar Mathematic atau Science di-Sekolah Menengah atau di-Sekolah Bebas, ia-itu terpulung balek—jikalau Sekolah Bebas—kapada Sekolah Lembaga yang tanggung-jawab. Jikalau Sekolah Menengah Kerajaan, ia-itu Kerajaan kita akan menimbangkan apa-kah pengalaman² atau yang di-jalankan kapada mereka itu.

KILANG² MENGETIN NENAS YANG BERDAFTAR DI-MALAYSIA

14. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan berapa buah kilang² mengetin nenas yang berdaftar dalam Malaysia, berapa ton nenas bertin yang di-eksepotkan dan apa negara² yang menjadi pelanggan.

Menteri Muda Kewangan (Dr Ng Kam Poh) (*dengan izin*): As at 1st January, 1968, there are 4 registered pineapple Canning Factories in Malaysia.

Exports of canned pineapples in tons for the past 4 years are:

	Tons	Value
1964 ...	52,675	\$38,762,924
1965 ...	65,111	47,956,741
1966 ...	68,788	50,009,285
1967 (estimated) }	66,000	48,023,000

Malaysia her exports canned pineapple to more than 60 countries and her main markets are:

United Kingdom ...	38.56%
U.S.A. ...	19.26%
E.E.C. Countries ...	12.37%
E.F.T.A. Countries ...	.90%
Canada ...	10.42%
Middle East Countries ...	6.91%
New Zealand ...	3.50%
Japan ...	.70%
Spain ...	5.14%
Other Countries ...	2.23%

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan nenas ini menurut satu pakar pertanian yang datang dalam negeri ini telah mengatakan bahawa nenas ini boleh di-jadikan minuman keras. Dengan itu ada-kah Kerajaan berchadang hendak meluaskan memproseskan buah nenas ini supaya di-jadikan minuman keras satu daripada jenis minuman keras yang di-keluarkan oleh negeri ini daripada buah nenas.

Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, ini ada-lah di-timbangkan didalam Kementerian Perdagangan dan Perusahaan.

SISTEM PEMBELIAN NENAS PELADANG² KECHIL OLEH KILANG²

15. Tuan Ahmad bin Arshad minta kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan menerangkan:

- bagaimana-kah sistem pembelian nenas peladang² kechil oleh kilang²;
- ada-kah beliau sedar bahawa kilang² tersebut kadangkali enggan membeli nenas pekebun² kechil ini; dan
- berapa luas tanah yang di-khaskan untuk kilang² tersebut.

Dr Ng Kam Poh (*dengan izin*):

(a) Pineapples are delivered to canneries by growers themselves by means of lorries through Co-operative Societies and private vendors. These lorries are required to report at the Malayan Pineapple Industry Board Food Distribution Depôts, which then allocates the number of lorry loads to be delivered to the canneries in accordance with an agreed formula. In accordance with the Pineapple Industry (Fruit Control) Regulations, 1959, the canneries must accept the fruits delivered to them at a price fixed by the Board.

(b) As I said earlier, canneries must accept fruits which are delivered to them. However, I am aware that during the period from March to July, 1967, pineapple production in Johore reached its peak. The peak period was abnormally high and extended over a longer period than was usually the case in the past. Although production of pineapples during the period was in excess of canners' capacity in spite of increases in work shifts, all the canners gave their full co-operation by absorbing all the fruits delivered to them. Nevertheless, despite faster turn-rounds and more trips by the lorries, there were a few occasions when pineapples were left uncollected at particular collecting points, but the quantity involved was small. Thus the non-delivery of pineapples to the canneries was not due to the refusal of the canneries to accept them, but due to the lack of transport facilities to carry the pineapples.

The Malayan Pineapple Industry Board has looked into this matter to ensure that in future all fruits will be delivered to the canneries during peak periods. One solution would be to increase the number of lorries to be permitted to transport pineapples during peak periods.

(c) Except for the Pineapple Cannery of Malaya Ltd (the national cannery) which has no land of its own, the other three canneries have their own land for the cultivation of pineapple. The acreages are as follows:

Lee Pineapple Company and United Malayan Pineapple Growers Ltd own a joint estate of 9,300 acres in Johore.

Malayan Pineapple Canning Ltd, Kluang, owns 858 acres.

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan: Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, ia-itu bahagian (b)—penolakan yang di-buat oleh kilang² pembeli nenas daripada pekebun² kecil itu—ia mengatakan bahawa nenas yang kamu tanam itu nenas yang tidak sesuai bagi di-tinkan. Jadi dengan ada-nya macham ini, adakah Kementerian ini dapat membuat satu perundingan dengan Kementerian Sharikat² Kerjasama atau pun pada kilang ini mengarahkan pekebun² kecil nenas kita itu supaya menanam nenas yang sesuai yang di-kehendaki kilang itu pada masa yang akan datang?

Dr Ng Kam Poh: Dato' Yang di-Pertua, I did not say that nenas "yang sesuai"; I said that during the peak periods, when there was an excess of fruits, transportation was such that they could not accept all fruits at the canneries and that was why some of them were left out. I never said "nenas yang sesuai", in other words, pineapples that are of good quality.

MENUBOH SA-BUAH STADIUM DI-SABAH

16. Tuan Ganing bin Jangkat (Sabah) bertanya kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, memandangkan begitu ramai-nya peminat² olahraga di-Sabah pada masa ini, ada-kah beliau akan

mengambil langkah mendirikan sa-buah Stadium di-Sabah.

Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan Belia dan Sokan (Tuan Senu bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, sa-lama ini semua negeri di-Malaysia ada-lah membena stadium dari peruntukan sendiri. Maka dengan itu harus-lah negeri Sabah juga berbuat demikian. Apa yang menjadi dasar Kementerian saya pada masa ini ia-lah membena pusat² perbagai guna atau pun multi-purpose centre di-tiap² Negeri. Dan bagitu-lah juga saya berchadang hendak membenakan pusat perbagai guna ini di-Sabah. Pada masa ini Kementerian saya sedang berunding untuk mendapatkan sa-keping tanah yang sesuai bagi projek ini di-Kota Kinabalu dan dengan ada-nya pusat ini dapat-lah ahli² sokan dari negeri itu di-beri kemudahan² berlatah seperti bitumen running track dan sa-bagai-nya.

MENUBOH SA-BUAH KILANG UNTUK MENGETIN RAMBUTAN

17. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama:

- (a) berapa jumlah luas ladang² rambutan kahwin dalam Malaysia dengan memberikan angka²-nya bagi tiap² negeri;
- (b) ada-kah Kerajaan berchadang hendak menubuhkan kilang mengetin rambutan untuk mencheгах jatoh-nya harga buah² rambutan.

Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama (Tuan Haji Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, jumlah tanah yang di-tanam dengan rambutan chantom bagi satu² negeri di-Malaysia tidak-lah dapat di-berikan. Tetapi kebanyakan daripada rambutan yang di-tanam di-negeri² ini sa-lepas daripada peperangan yang kedua, ia-lah rambutan chantom, atau rambutan tot, kerana hanya beneh² rambutan chantom dan rambutan tot sahaja yang di-bekalkan oleh bahagian pertanian. Tetapi di-bawah ranchangan tanah dan pemeliharaan sa-mula buah²an, jumlah

kawasan yang di-tanam dengan rambutan chantom sa-hingga hari ini ialah seperti berikut:

Kedah	...	...	753	ekar
Perlis	...	...	65	"
Pulau Pinang	...	...	121	"
Perak	...	...	997	"
Selangor	...	...	396	"
Negri Sembilan	...	...	263	"
Melaka	...	...	344	"
Johor	...	...	530	"
Pahang	...	...	804	"
Trengganu	...	...	310	"
Kelantan	...	...	133	"

Kerajaan tidak-lah chuba hendak mendirikan kilang mengetin rambutan sa-chara perdagangan, tetapi walau bagaimana pun Bahagian Kaji Teknik Makanan Kementerian ini ada merancang hendak memulakan perchubaaan memperoses buah²an dan sayor²an di-Tampoi, Johor. Kilang kajian ini bukan sahaja akan memperoses rambutan bahkan lain² buah²an juga.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam Jabatan Pertanian ini memberikan jenis² rambutan tot dan rambutan kahwin itu, ada-kah Kerajaan atau Kementerian ini sedar bahawa jenis² yang di-keluarkan oleh Jabatan Pertanian itu tidak sesuai dengan keadaan buah rambutan yang maseh ada pada hari ini. Jadi, dengan itu ada-kah Kementerian ini hendak mengkaji balek supaya dapat beneh² chantom dan beneh tot itu beneh yang sesuai yang di-kehendakki oleh pasaran pada hari ini sa-bagaimana yang telah saya katakan, dalam satu ucapan saya dalam Dewan ini.

Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kajian beneh² rambutan ini dan juga kajian buah²an serta jenis tanaman yang lain², ada-lah berjalan ranchak pada masa ini dan kita daripada satu masa ka-satu masa akan berikhtiar mencharikan beneh² yang baik sama ada untuk buah²an mahu pun tanaman² lain. Tetapi berkenaan dengan baik-nya satu² jenis pokok buah²an itu, kepada satu tempat dan di-tempat yang lain

ada-lah berlainan. Boleh jadi di-Negeri Perak dengan sebab keadaan tanah-nya baik maka beneh rambutan itu dapat hidup dengan subur, tetapi tidak di-Johor. Tetapi beneh rambutan yang di-keluarkan oleh Jabatan Tanaman hari ini ada-lah mendapat perhatian yang baik daripada penanam² dan juga dapat di-jual di-market atau di-pasar dengan harga yang baik.

Wan Abdul Rahman bin Datu Tuanku Bujang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri ini telah menyebutkan semua negeri² di-Malaysia Barat ini ada mempunyai tanaman rambutan, tetapi tidak-kah Yang Berhormat Menteri ini berchadang hendak memperluaskan atau menggalakkan tanaman rambutan di-Sarawak.

Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, chadangan meluaskan ka-Malaysia Timor itu ada, tetapi ini ada-lah bergantung besar kepada usaha² yang di-jalankan oleh Pegawai² Pertanian yang ada di-Negeri² Sarawak dan Sabah ia-itu perkara² di-bawah kuasa Kerajaan Negeri.

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1968

(Jawatan-kuasa Perbekalan)

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan dalam Jawatan-kuasa Perbekalan (Hari Yang Kelapan).

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat Jawatan-kuasa*)

JADUAL

Kepala² B. 17; B. 18 dan B. 19—

Perbahathan di-sambong sa-mula atas Masaalah: Kepala² B. 17, B. 18 dan B. 19 menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Saya chuma hendak memberi peluang kepada Ahli Yang Berhormat yang belum habis ucapan-nya pada petang sa-malam menghabiskan ucapan-nya. Sa-lepas itu jawapan daripada pehak Kementerian.

Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat):

Dengan izin, Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbanyak terima kasih. Bagi menghormati masa barangkali saya akan ambil sa-lebeh²-nya lima minit sahaja lagi.

Menyambong ucapan saya pada petang semalam, saya suka sentoh lagi, Tuan Pengerusi, dalam muka surat 212, Pechahan-kepala 63, ia-itu Bahan Sains dan Kelengkapan Pengajaran. Tuan Pengerusi, pelajaran sains ini hendak-lah di-galakkan dan di-ajar lebeh kapada anak² bumiputra kerana saya rasa anak² bumiputra sekarang memang sangat kurang dalam pengetahuan tentang sains ini. Sains, ada-lah sains teknologi yang boleh mencheptakan kema'amoran daripada yang di-jangkakan, kerana saya kata beri lebeh masa dan ajaran kapada anak² bumiputra ia-itu supaya di-zaman mereka ka-hadapan akan chemerlang, kerana orang² lain telah pun dahulu lagi telah masuk dalam perkara ini. Kalau mereka ini di-asoh dari sekarang, maka kerenggangan pelajaran ini dengan anak² kita tidak-lah begitu jauh letaknya. Jadi banyak pengajaran, pelajaran sains kapada bumiputra² kita.

Dan sekarang saya suka beraleh pula, Tuan Pengerusi, kapada Kepala 22, di-muka surat 217, universiti kita. Apa yang saya harap Kerajaan kekal-kan balek surat akuan daripada pehak berkuasa terutama sa-kali kanak² orang² yang bukan warganegara, kerana kalau di-biarkan berlanjutan bagini, boleh jadi di-masa yang akan datang mereka akan mengongkong fikiran mahasiswa² yang ta'at setia yang suka hendak belajar sahaja. Kita dapati sekarang banyak tunjok² perasaan di-tunjokkan di-dalam campus di-kata-nya tunjok² perasaan dengan aman damai. Saya fikir ini satu helah dan siapa yang mendapat nama ia-lah tidak asing lagi Ahli Yang Berhormat dari Batu, dia sengaja buat helah pergi di-tengah² anak muda yang tengah semarak, ber-dideh darah-nya dan mengapi²kan pula. Jadi, ini-lah saya fikir Certificate of Suitability ini harus-ah di-teruskan, kalau tidak oleh kerana ra'ayat membiayai universiti ini dengan banyak-nya dan terpaksa memikul beban, tetapi hasil-nya tidak dapat bahkan

benchana dapat pula, menchemarkan nama negara dan Kerajaan. Oleh itu hendak-lah di-jaga baik budak² ini supaya masa dia di-situ hendak-lah belajar sa-mata².

Yang akhir-nya, Tuan Pengerusi, satu perkara lagi dalam hal universiti ini juga ia-lah tentang bahasa Melayu yang mana kita semua sama² mengetahui menjadi bahasa kebangsaan. Apa yang saya harap, Tuan Pengerusi, tentang pengajian bahasa Melayu atau bahasa kebangsaan ini sa-telah merdeka sampai berdaulat-nya bahasa itu tidak berkembang mengikut kemajuan kita, maka kemajuan satu bahasa satu bangsa tidak dapat kita chapai dengan penoh-nya. Oleh itu saya harap pengajian bahasa Melayu ini hendak-lah di-perbesarkan mengikut zaman kita daripada yang sudah². Ini saya sangat² menasabah bagi menuju kapada Universiti Kebangsaan, kerana saya fikirkan begitu, Tuan Pengerusi, bahasa Jepun pun akan di-ajar di-situ dan barangkali juga bahasa Thai dan mereka² ini akan sa-tanding pengajarannya di-universiti kita, maka pengajaran bahasa Kebangsaan ini hendak-lah di-besarkan daripada yang sudah².

Dan sa-terus-nya Pechahan-kepala 1 hingga 5, muka surat 215 yang akhirnya sa-kali mengenai Pemberian² kapada Sekolah². Tuan Pengerusi, saya termushkil sedikit, sekolah² kebangsaan ini belum pun ada mengeluarkan atau mengajar anak² murid-nya bermain band. Jadi, saya harap-lah daripada sekolah² yang dapat bantuan ini terutama sa-kali sekolah² menengah meranchangkan murid-nya bermain band supaya dapat di-lihat chontoh kapada sekolah² lain. Kita tengok sekolah² lain dapat membuat dan saya tidak dapat mengerti mengapa sekolah² kebangsaan belum memulakan lagi. Jadi, dengan ada-nya permainan² band sa-macham ini dapat murid² ini menunjukkan kebolehan bukan sahaja dalam pelajaran yang ada di-kepalanya, tetapi juga pelajaran yang dapat di-megahkan kapada orang ramai. Jadi saya harap Kementerian ini atau Menteri-nya berikhtiar mengusahakan permainan band di-sekolah² dan buat pertama sa-kali saya shorkan di-mulakan di-sekolah² menengah atas, bukan

sahaja permainan band di-ajar tetapi juga pelajaran berkawat. Pelajaran berkawat ini, Tuan Pengerusi, supaya anak² kita nanti tahu hidup berdisiplin dan berjiwa besar dan anak² akan memegahkan hidup-nya sa-masa bersekolah dan sa-terus-nya di-masa mereka itu dewasa kelak dan kalau sa-kira-nya dalam peperangan disiplin ini-lah yang membawa kepada kejayaan negara, bangsa dan ugama kita.

Akhir-nya, saya menyokong bagi peruntukan yang di-minta oleh Kementerian Pelajaran sa-banyak \$401,478,152. Terima kaseh.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Pengerusi, saya terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kaseh kepada Ahli² Yang Berhormat bagi Dewan ini mendapat banyak pandangan² kepada Kementerian Pelajaran untuk berfaedah atau meninggikan pelajaran kepada anak² kita di-Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, saya suka mengulakan ucapan Ahli Yang Berhormat dari Sarawak ia-itu Wan Abdul Rahman yang berkata ia-itu mengenai kuasa Kerajaan Pusat terhadap pelajaran di-Malaysia Timor, khas-nya Sarawak. Sa-bagaimana yang di-nyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, pelajaran ada-lah terta'alok kepada Perenggan 17 di-dalam Penyata Jawatan-kuasa Antara-Kerajaan, yang menyatakan bahawa sistem dan pentadbiran pelajaran di-Malaysia Timor hendak-lah di-teruskan seperti sa-belum Hari Malaysia sa-hingga Dewan² Perundangan Negeri kedua² negeri itu mengambil ketetapan untuk meminda-nya. Oleh yang demikian perkara ini terpulang-lah kepada Kerajaan Negeri di-Sabah dan Sarawak untuk mengambil tindakan permulaan. Kerajaan Pusat mengalu²kan sa-barang langkah ka-araf itu kerana saya perchaya Kerajaan di-kedua² Negeri itu menyedari bahawa satu dasar pelajaran yang sama ada-lah penting untuk mengujudkan satu negara Malaysia yang bersatu-padu.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan perkara ini saya suka menyentuh ucapan Ahli dari Sarawak juga Yang Berhormat Tuan Tan Tsak Yu yang menyatakan bahawa tidak semua

murid² sekolah rendah di-Sarawak naik ka-sekolah menengah seperti yang di-dapati di-Malaysia Barat. Sa-bagaimana yang telah di-katakan di-dalam persidangan yang lalu, pelajaran menengah rendah aneka jurusan ada-lah sa-bahagian daripada dasar pelajaran kebangsaan. Oleh itu, sa-belum sistem ini di-panjangkan ka-Sabah dan Sarawak Kerajaan² Negeri itu hendak-lah menerima dan mengikuti dasar pelajaran negara.

Ahli Yang Berhormat dari Sabah, Tuan Rafael Ancheta telah menyebutkan tentang kekurangan guru² yang berkelayakan di-Sabah, terutama sekali untuk mengajar di-luar² bandar. Saya sukachita menyatakan bahawa Jabatan Pelajaran Sabah sedang mengambil tindakan sekarang untuk melateh guru² yang berkelayakan bagi mengajar di-sekolah² dan saya perchaya kekurangan ini akan dapat diatasi. Beliau juga mengeshorkan supaya pelajaran ugama Islam di-jadikan satu mata pelajaran di-sekolah² di-Sabah, dan dalam hal ini saya suka menyatakan bahawa perkara ini boleh-lah di-timbangkan jika ada permintaan yang rasmi dari Sabah.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan berkata terutama beliau nampak-nya berasa kesal bahawa peruntukan bagi Penulis Bahasa China ada-lah jauh lebeh daripada peruntukan Penulis Bahasa Melayu di-Pejabat Pelajaran Melaka, walau pun kakitangan bagi tiap² satu bahasa itu ada-lah dua. Saya suka menyatakan bahawa peruntukan itu lebeh di-sebabkan Penulis Bahasa China itu telah lama bekerja dan sudah tentu-lah gaji mereka lebeh tinggi daripada Penulis Bahasa Melayu.

Berhubung dengan sungutan-nya terhadap Pengelola² Sekolah Kebangsaan, ada-lah di-nyatakan bahawa Sharat² Perkhidmatan Gaji dan sa-bagai-nya bagi Pengelola² Sekolah Rendah atau Penolong Pengelola-nya sedang di-kaji oleh Surohanjaya Aziz.

Berkenaan dengan shor-nya supaya Kerajaan Pusat memberi bantuan kepada Sekolah Menengah Ugama Sultan Mahmud Melaka, saya dukachita menyatakan bahawa sekolah itu

ada-lah projek Kerajaan Negeri dan Kementerian Pelajaran agak berat untuk champor tangan.

Saya beralah pula kepada ucapan Ahli Yang Berhormat dari Jebeu-Jempol, Kementerian ini memang sedar atas kekurangan guru² sains di-Sekolah² Menengah Kebangsaan dan tindakan sedang di-ambil untuk jangka pendek dan panjang bagi mengatasi kekurangan ini. Untuk jangka panjang masaalah ini boleh di-selesaikan jika Ahli Yang Berhormat itu turut memberi perangsang kepada anak² bumi-putra mengambil mata pelajaran sains apabila di-lateh menjadi guru. Beliau juga bertanya sama ada benar bahawa sukatan pelajaran² selalu di-ubah oleh Kementerian Pelajaran. Jawapan-nya, tidak. Tetapi perubahan terpaksa dibuat supaya pelajaran di-negara kita mengikut peredaran masa seperti di-negara² lain. Tentang perkara pemakaian uniform yang sama bagi semua sekolah di-Malaysia, Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah pun menyuarakan pendapat-nya berkenaan dengan perkara ini dahulu.

Saya suka menyatakan bahawa perkara ini sedang di-timbangan oleh Kementerian Pelajaran dengan teliti kerana Yang Berhormat itu tentu-lah sedia ma'alom bahawa baik atau tidak baik tentang perkara uniform yang sama ini.

Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam yang mengeshorkan supaya ditamatkan semangat kaseh sayang kepada negara di-kalangan murid² sekolah. Ada-lah di-nyatakan bahawa perkara ini telah pun di-jalankan melalui mata pelajaran Tata Ra'ayat dan perhimpunan atau "assembly" di-sekolah². Ini di-tambah pula dengan berbagai² chara dalam Minggu Perpaduan. Beliau juga mengeshorkan supaya di-galakkan lagi sekolah² private di-luar² bandar bagi menampung murid² Menengah Melayu yang tidak lulus peperiksaan. Perkara ini terpulang-lah kepada orang² persaorangan dan sa-barang permintaan untuk mendirikan-nya boleh di-timbangan jika ia menurut kehendak² undang² yang ada.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara telah menyatakan bahawa sa-

bilangan mahasiswa² dan pensharah² mengambil bahagian chergas dalam politik. Berhubung dengan pensharah, saya suka menyatakan bahawa mereka terta'alok di-bawah Peratoran² Universiti dan saya di-fahamkan bahawa mereka di-benarkan mengambil bahagian dalam politik jika ini tidak mengganggu tugas² University mereka dan keselamatan negara. Berkenaan mahasiswa² yang ada mempunyai biasiswa, perjanjian di-dalam biasiswa, mereka tidak-lah di-benarkan mereka itu mengambil bahagian yang chergas dalam politik. Beliau juga telah menyatakan kekurangan guru² ugama di-sekolah² menengah yang saya suka menyatakan bahawa perkara ini sedang di-siasat.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Tenggara telah bertanya kedudukan *Malaysia Hall* sekarang. Saya suka menyatakan bahawa perkara ini maseh dalam timbangan dan untuk ma'luman Ahli Yang Berhormat itu urusan mengenai penuntut² Singapura telah pun di-ambil alih oleh Surohanjaya Singapura di-London mulai daripada bulan November tahun lepas. Perkara² lain yang berkait dengan-nya sedang di-ambil tindakan dengan sa-chara beransor². Berhubung dengan kemuskilannya tentang Kampong Linting itu, saya akan menyiasat perkara ini, tetapi saya khuatirkan kelas yang di-bukakan di-Balai Raya itu di-tutup, mungkin oleh kerana merosot-nya kedatangan dari murid² di-kampung itu.

Ahli Yang Berhormat dari Port Dickson telah mengeshorkan supaya tempat perchuma sa-banyak 10% di-naikkan kepada 25%. Memandang kepada kedudukan kewangan negara, saya dukachita tidak dapat di-jalankan shor itu. Beliau juga telah meminta supaya di-tingkatkan supaya murid² yang mendapat Pangkat "C" dan lulus lima mata pelajaran di-benarkan mengulang sa-mula Tingkatan III; ini pun saya dukachita, Tuan Pengerusi, juga kerana berkenaan yang telah dibuat oleh Menteri Pelajaran baharu² ini kepada mereka yang lulus tujuh subjects ada-lah sa-takat yang dapat kita adakan. Berkenaan dengan perkara ini, saya suka juga menyentoh rayuan² Ahli² Yang Berhormat yang lain terhadap mereka² yang mendapat

pangkat "B" dan "C" dalam pepereksaan S.R.P. Saya dukachita menyatakan bahawa sa-lain daripada apa yang di-beri oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran baharu² ini tidak-lah dapat di-tambah apa² concession.

Ahli Yang Berhormat dari Sarawak menyatakan bahawa Penyelia Kumpulan atau *Group Supervisor* di-Sarawak ada-lah terlalu kecil bilangannya. Saya akan meminta Pengarah Pelajaran Sarawak untuk menyiasat perkara ini. Beliau juga menyeru supaya guru² kelas "B" di-naikkan pangkat kepada kelas "A". Dan saya dukachita menyatakan bahawa perkara ini ada-lah di-bawah bidang kuasa Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam dan Kementerian ini tidak-lah dapat champor tangan di-dalam-nya.

Sa-orang Ahli Yang Berhormat dari Sarawak juga bertanya mengapa jawatan *Planning officer* di-Sarawak di-tiadakan dalam tahun ini. Sa-bagai jawapan-nya ada-lah di-nyatakan bahawa tugas² ranchangan sekarang telah boleh di-jalankan oleh Pengarah Pelajaran sendiri dan tiada-lah payah di-adakan jawatan yang berasingan.

Ahli Yang Berhormat dari Krian Darat mengeshorkan supaya nama² chalon hendak-lah jangan di-tulis di-dalam Kertas² Pepereksaan. Ada-lah di-nyatakan bahawa ini akan di-jalankan mula² tahun ini. Berkenaan dengan shor-nya supaya di-adakan Penyelia² Asrama di-tiap² ibu negeri. Ini tidak-lah payah di-adakan, kerana guru² boleh menjalankan tugas ini.

Tuan Pengerusi, saya hendak tambah sedikit berkenaan soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara berkenaan biasiswa kepada murid² yang meminta, saya ingin menambah di-sini jika murid² atau siapa² pun jika mereka dapati melanggar syarat² biasiswa, biasiswa mereka itu akan di-tarek balek.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan menyeru Kerajaan supaya champor tangan dalam pentadbiran Universiti Malaya, kerana boleh di-katakan 100 peratus sumber kewangan Universiti Malaya ada-lah dari Kerajaan. Champor tangan

ini akan menolong Universiti Malaya membimbing satu rupa bangsa Malaysia dan menolong menyatu padukan ra'ayat Malaysia di-masa hadapan. Tuan Pengerusi, soal ini ingin saya menarek perhatian; tetapi Kerajaan lebeh suka berpegang tegoh kepada amalan yang di-buat sa-lama ini, iaitu Universiti Malaya ada-lah bebas dan mempunyai autonomy sendiri dan Kerajaan berfikir bahawa keadaan demikian elok-lah di-teruskan. Saya perchaya kaki-tangan Universiti ada-lah pegawai² yang bertanggung-jawab terhadap negara di-masa depan dan oleh yang demikian kedudukan bebas yayasan pelajaran tinggi kita elok-lah di-teruskan.

Dia berkata juga meminta Kerajaan menyiasat tentang perlantekan Jawatan beberapa orang pensharah di-Universiti Malaya baharu² ini. Kementerian ini telah di-ma'alumkan bahawa Universiti Malaya telah menubuhkan sa-buah Jawatan-kuasa Penyiasat mengenai perkara ini dan oleh yang demikian elok-lah Kerajaan tidak menchampor tangan dan memulangkan perkara itu bagi siasatan oleh Jawatan-kuasa tersebut.

Dia berkata lagi Hospital Latehan Universiti Malaya ada-lah mempunyai kemudahan² yang sama dengan Rumah Sakit Umum Kuala Lumpur, ini patut-lah di-kaji oleh Kerajaan kerana tentu-lah akan membuang wang sahaja untuk mengadakan dua kemudahan yang sama di-tempat² yang berhampiran.

Tuan Pengerusi, Pentadbiran Rumah Sakit Latehan sa-benar-nya ada-lah di-bawah Kementerian Kesihatan. Walau bagaimana pun saya mendapat faham bahawa kemudahan² di-adakan di-Rumah Sakit Latehan itu ada-lah khas untuk Rumah Sakit itu sahaja dan bagi maksud² latehan. Sunggoh pun ada-lah kemungkinan bahawa kemudahan² itu sa-rupa, tetapi hendak-lah di-ingat bahawa chara Rumah Sakit Latehan dan Rumah Sakit Umum ada-lah sangat jauh dari ini memulakan di-adakan kemudahan² di-kedua² Rumah Sakit itu.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara beliau mengatakan bila-kah Kolej

Islam akan menjadi Universiti Islam. Sa-bagaimana yang telah di-terangkan dahulu tugas utama Kerajaan ia-lah menyelesaikan pelajaran di-Kolej Islam ini sa-taraf dengan pelajaran universiti. Sa-buah Jawatan-kuasa telah pun di-tubuhkan oleh Majlis Kolej itu untuk memberi shor² kepada Kerajaan dalam perkara ini. Mulai dari tahun ini kelas Tingkatan VI telah pun di-buka di-Kolej tersebut dan kelulusan² pengajian untuk memasoki Kolej itu akan di-tetapkan dengan tujuan meninggikan lagi mutu dan taraf Kolej itu.

Dia berkata lagi mengeshorkan supaya kawalan di-buat terhadap kaki-tangan² perguruan Universiti Malaya dalam soal mengambil bahagian politik seperti yang di-buat oleh Kerajaan terhadap kaki-tangan² Kerajaan. Per-kara ini terpulang-lah kepada pihak Universiti. Saya di-ma'alumkan bahawa pihak Universiti ada membuat kawalan seperti itu, ia-itu pensharah² di-benarkan mengambil bahagian dalam politik, dengan cara ini tidak bertelengkah dengan tugas² mereka sa-bagai Pensharah di-Universiti.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Batu telah menudoh supaya angka² keputusan peperiksaan L.C.E. atau S.R.P. yang saya beri semenjak tahun 1964 itu ada-lah tidak sama dengan rekod² yang ada di-Dewan. Dalam hal ini saya suka menerangkan bahawa angka² yang di-beri oleh Yang Berhormat dari Batu itu hanya kelulusan peratus di-dalam Grade I, II dan III tahun 1964. Mulai tahun 1967 chara² memberi sijil ada-lah berubah sa-hingga tahun 1966 sa-saorang chalon itu boleh mendapat Grade III jika ia lulus di-dalam enam mata pelajaran. Tetapi mengikut peratoran tahun 1967 sa-saorang chalon akan di-beri Grade C walau pun dia hanya lulus satu mata pelajaran sahaja. Oleh itu tidak boleh-lah di-sematkan Grade III tahun yang lepas dengan Grade C tahun 1967. Saya telah menyerukan Dewan ini supaya hanya memberi keputusan L.C.E. atau S.R.P. Grade I dan II di-tahun² yang lepas dengan Grade A di-tahun 1967 kerana dia merupakan keputusan muktamat, atau pun keputusan naik darjah, tetapi Yang Berhormat dari Batu telah

menchamporkan kelulusan Grade III bersama² Perengkat I dan II.

Saya telah menerangkan mengapa Grade III tidak boleh di-champorkan, kerana perubahan peratoran L.C.E. tahun 1967 walau bagaimana pun Grade III tahun yang lepas itu tidak dapat naik darjah. Oleh itu angka yang di-beri oleh Yang Berhormat dari Batu berkenaan dengan kelulusan peperiksaan L.C.E. dan S.R.P. tahun 1964 itu ada-lah betul jika di-champorkan sama sa-kali Grade I, II dan III. Saya harap penjelasan ini akan di-hilangkan keraguan berkenaan dengan perbedzaan² angka² keputusan L.C.E. dan S.R.P. tahun 1964 yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat dari Batu itu.

Yang Berhormat dari Batu juga menyebut berkenaan dengan keputusan peperiksaan sekolah² Tuanku Abdul Rahman, Maktab Melayu, Kuala Kangsar, Tun Fatimah dan Tengku Kursiah. Sekolah² ini ada-lah berasrama penuh dan kesemua sekolah² ini menggunakan bahasa Inggeris sa-bagai bahasa pengantar. Oleh itu tidak boleh-lah sekolah² ini di-panggil National School. Ini ada-lah salah, sebabnya ia-lah kerana hanya sekolah² yang memakai bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa pengantar sahaja yang boleh di-sebut National Schools mengikut istilah di-dalam Undang² Pelajaran, apabila Ahli Yang Berhormat dari Batu membandingkan keputusan National dan National Type Schools dahulu. Sa-patut-nya ia hendak-lah memasokkan sekolah² ini ka-dalam angka² sekolah² National Type Schools sa-bagai sewajar-nya.

Tuan Pengerusi, sungguh pun tidak boleh di-nafikan bahawa sekolah² ini mendapat keputusan yang lebih baik daripada kebanyakan sekolah² lain, patut-lah di-tegaskan bahawa semua sekolah² ini ia-lah sekolah² berasrama penuh. Murid²-nya ada-lah di-pileh satu peperiksaan khas yang di-panggil Peperiksaan Masok ka-Sekolah² Berasrama Penuh. Peperiksaan ini berdasarkan peperiksaan pilehan yang sangat ketat. Sa-bagai ma'alumat Dewan ini dari sa-jumlah 12,020 orang murid² bumiputra ini di-dalam Darjah Enam di-Sekolah² National Type

English di-dalam tahun 1964, chuma satu peratus sahaja yang di-ambil masuk di-dalam sekolah² berasrama penoh di-Maktab Melayu dan Tengku Khursiah ini. Bagi murid² sekolah Kebangsaan pula sa-bahagian kecil daripada mereka itu di-pilih dengan jalan yang sama untuk Sekolah² Tuanku Abdul Rahman dan Sekolah Dato' Abdul Razak dan Tun Fatimah. Tiap² sekolah hanya memilih lima peratus sahaja untuk memasoki peperiksaan ini. Di-antara murid² ini hanya 90 orang di-pilih untuk Maktab Melayu 38 orang untuk Tengku Khursiah. Mereka ini di-pilih melalui peperiksaan yang sama di-dalam Darjah Enam di-tahun 1963. Untuk sekolah² ini di-tingkat peralehan satu remove class yang menggunakan bahasa Inggeris sa-bagai bahasa pengantar. Di-antara 60,591 orang murid² bumiputra di-dalam Darjah Enam tahun 1963, 129 orang telah di-pilih dengan peratoran yang sama untuk Sekolah Tuanku Abdul Rahman, 89 orang untuk Sekolah Dato' Abdul Razak, dan 70 orang untuk sekolah Tun Fatimah. Ini bermakna bahawa hanya 294 orang daripada kumpulan 60,591 orang ini di-pilih untuk memasoki sekolah² ini yang jumlah-nya tidak sampai sa-tengah peratus pun di-antara murid² bumiputra dapat masuk ka-sini.

Oleh sebab kesemua murid² daripada sekolah ini telah di-pilih dan dianggap angka yang terbaik sa-kali daripada golongan yang begitu besar melalui peperiksaan yang ketat maka peratus kelulusan L.C.E.-nya tidaklah di-luar dugaan jauh sa-kali dari memuaskan hati Kementerian di-atas keputusan ini. Kita maseh menganggap keputusan sekolah² ini bukan sangat memuaskan hati. Mereka patut mendapat kelulusan yang lebih baik dari di-chapai dalam tahun 1967. Ada-kah Yang Berhormat dari Batu berfikir satu peratus murid yang terbaik sa-kali dari golongan bumiputra di-sekolah² National Type Inggeris dan sa-tengah peratus yang terbaik yang asal-nya dari Sekolah Kebangsaan jumlah yang lulus L.C.E. dalam tahun 1967, padahal di-seluruh negara kita 47 peratus daripada murid² lulus yang dapat naik darjah.

Tuan Pengerusi, sa-bagai penutup jawapan-nya kepada Ahli Yang Berhormat dari Batu saya berkata, jangan chuba menagak benang basah. Jika kawasan kita bernama Batu, jauh-lah dia kepada kita, juga jauh macham batu.

Ahli Yang Berhormat dari Krian Darat juga mengeshorkan supaya meluluskan Certificate of Suitability yang baharu² ini Kerajaan memutuskan Certificate of Suitability ini di-tanggohkan dua tahun. Oleh itu Kerajaan akan menimbangkan sa-mula sa-lepas tahun itu.

Tuan Pengerusi: Menteri boleh menghabiskan ucapan-nya sa-lepas kita balek daripada berehat. Persidangan di-tempohkan sa-lama 20 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 11.30 pagi.

Persidangan di-sambung sa-mula pada pukul 11.50 pagi.

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Meshuarat Jawatan-kuasa)

Perbahathan di-sambung sa-mula.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Krian Darat juga berkata pelajaran sains dan kelengkapan di-ajarkan kepada anak² bumiputera. Rancangan menitek-beratkan pengajaran dan pelajaran sains ada-lah di-titek-beratkan dan menerima perhatian kepada Kementerian saya.

Dia berkata juga permainan band bersama² kawat untuk mendapatkan disiplin bagi menolong kehidupan-nya di-kemudian hari. Tuan Pengerusi, soal² untuk mengadakan band² di-Sekolah² Menengah Atas ada-lah di-dalam perhatian dan boleh dapat di-laksanakan kalau wang anggaran Kementerian Pelajaran dapat mengizinkan. Terima kaseh.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$46,480,059 untuk Kepala B. 17; \$310,388,526 untuk

Kepala B. 18 dan \$44,609,567 untuk Kepala B. 19 di-perintah jadi sabahagian daripada Jadual.

Kepala² B. 22, B. 23, B. 24, B. 25, B. 26, B. 27 dan B. 28—

Dr Ng Kam Poh (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, with your permission, Sir, I would like to take Head B. 22 to Head B. 28 together as they cover the various Departmental Estimates that come within the portfolio of the Treasury, and I accordingly move that the following sums be approved:

Head B. 22	\$ 4,983,403	(Treasury)
Head B. 23	30,309,678	(Treasury General Services)
Head B. 24	64,200,000	(Contribution to Statutory Funds)
Head B. 25	13,160,798	(Royal Customs and Excise)
Head B. 26	3,506,458	(Royal Customs and Excise, East Malaysia)
Head B. 27	7,774,362	(Comptroller-General of Inland Revenue)
Head B. 28	1,294,303	(Inland Revenue—East Malaysia)
Total ...	<u>\$125,229,002</u>	

HEAD B. 22—THE TREASURY

Commencing with Head B. 22 which concerns the Treasury proper, there is an increase in the establishment arising from additional duties and responsibilities that have befallen the lot of the Treasury. The increase in Personal Emoluments amounting to \$581,356 relates mainly to the creation of additional posts to cope with the expansion of work especially in the Accounts and Valuation Divisions of the Treasury and also the establishment of branch offices of the Treasury in Sabah and Sarawak so as to ensure more effective and quicker administration of the Federal expenditure in the two States. In addition, an additional post of Special Commissioner of Tax has been created as required under the new Unified Income Tax Act which comes into effect on 1st January, 1968.

Under Other Charges Annually Recurrent the increase amounts to \$53,926. This increase is mainly due to

the provisions made to the branch offices of the Treasury in Sabah and Sarawak which are not provided for in 1967 except for a token vote of \$10 for each of these two offices.

With regard to Special Expenditure the amount for this year is only \$222,700—a reduction of \$71,363 when compared to the provision of \$294,063. This reduction is possible because of the stringent control of expenditure.

HEAD B. 23—TREASURY GENERAL SERVICES

As stated in the Treasury memorandum on the estimates of Ordinary Expenditure for 1968, there is an increase in the provision of \$946,973 over that approved for 1967. The major portion of the increase over the provision for 1967 is due to additional provisions being made for contribution to Local Authorities in aid of Rates, Repayment of Revenue, Interest Subsidy for Civil Service Housing Loans (Sarawak), Rents on State Quarters occupied by Federal Officers in Sabah and Sarawak and commission to Postal Services Department on sale of stamps used for Federal Revenue.

HEAD B. 24—CONTRIBUTION TO STATUTORY FUNDS

There is a substantial decrease of \$7,500,000 under this Head. This is possible because the funds created for loans to other Statutory Bodies and the Exploitation of Minerals in Malay Reservations Loans Fund are no more required. In addition, the provision for Social Welfare Trust Funds has been reduced by \$1,000,000.

HEAD B. 25—ROYAL CUSTOMS AND EXCISE

There is an increase of \$352,315 under Personal Emoluments under this Head. This is due to the creation of additional posts notably at the junior grades to cope with the increased volume of work in connection with anti-smuggling.

Under Other Charges Annually Recurrent stringent control has resulted in a small reduction in expenditure amounting to \$17,964.

With regard to Other Charges Special Expenditure the provision is less than that of last year by \$77,108. The major amounts provided under this Head are required to furnish new quarters and Customs stations to be erected during the course of the year and to provide flush systems for quarters at Lumut, Butterworth and Kroh, as required by Local Councils on sanitary grounds. The amount of \$70,000 is provided for the printing of new Tariff Classification Books which are to be for sale later to the public to cover the cost.

HEAD B. 26—ROYAL CUSTOMS AND EXCISE, EAST MALAYSIA

There is an increase of \$115,497 under Personal Emoluments. This increase is due to the creation of additional posts mainly at the Customs Officers level in order to cope with the expanding trade handled both in Sabah and Sarawak.

For Other Charges Annually Recurrent there is a decrease of \$6,268.

Under Other Charges Special Expenditure there is also a small decrease of \$9,658. The provision for this year is mainly for the purchase of Customs boats and one motor vehicle and for replacing worn out outboard engines.

HEAD B. 27—COMPTROLLER-GENERAL OF INLAND REVENUE

In this year's estimates the provision for the Inland Revenue Department both for the Headquarters and West Malaysia Divisions is shown under one Head B. 27 instead of two separate Heads as in last year. This is due to the amalgamation of the Malaysian Headquarters and the West Malaysia's Headquarters. The purpose of this amalgamation is to facilitate administration and to effect economy as far as practicable.

As mentioned in the Treasury memorandum on the estimates of Ordinary Expenditure for 1968 there is an overall increase of \$710,115 over that of 1967. The major portion of the increase is to provide for additional staff to handle the increased volume of work

arising from the new tax measures introduced. There is also a small increase under Other Charges Annually Recurrent due to the normal rise in the cost of administration involving printing, stationery and transport charges.

HEAD B. 28—INLAND REVENUE, EAST MALAYSIA

This is the last Head under the portfolio of the Treasury and it caters for the Federal Departments of the Inland Revenue in East Malaysia. The overall provision under this Head shows an increase of \$100,040 over the 1967 estimated expenditure and this increase is to cater for a small increase in establishment which has been found necessary in order to strengthen the two Offices in Sabah and Sarawak, thus enabling them to undertake the normal increase in duties and responsibilities arising from the new tax measures introduced.

Sir, I beg to move.

Tuan Tajudin bin Ali (Larut Utara):

Tuan Pengerusi, saya bangun berchakap Kepala Bekalan 22, muka 261. Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong perbelanjaan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Muda—saya terpaksa sokong kalau tidak sokong elau saya tidak dapat. Muka 261, Perbendaharaan sa-jumlah wang \$4,983,403 saya berpendapat, Tuan Pengerusi, ada-lah kewajipan Kementerian ini bukan-lah susah sangat, kerana kerja-nya mengutip wang sahaja di-bandingkan dengan Kementerian² lain seperti Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom yang buat jalan, buat titi, buat rumah dan sa-bagai-nya—ini kerja-nya berat, tetapi Kementerian ini chuma hendak kutip duit. Ini pun, Tuan Pengerusi, kadang² saya kurang puas hati. Umpama-nya chara² dia mengutip duit itu terbuka kapada chara² yang dapat kita memperbaiki dan senang sahaja kita kutip duit untuk mendatangkan hasil yang lebih baik dan lebih faedah kapada negara kita. Kata Yang Berhormat Menteri Kewangan baharu² ini dia berkehendakkan chukai bagi tahun ini sa-banyak \$14 juta lebih sahaja. Pada

pemikiran saya ini chukup senang, tidak payah naikan chukai di atas Aji-no-moto, umpama-nya, teksi dan sa-bagai-nya, kerana chara² kutipan itu tidak di-fikirkan dengan baik dan terator—minta ma'af kepada pegawai²-nya—saya rasa mereka tidak berfikir chara *practical*, umpama-nya macham kutipan chukai atas teksi. Ini chuma sangat² menyakitkan hati pemandu² teksi luar bandar. Saya rasa lebeh baik pejabat ini sa-belum menaikan chukai itu kapada pakar² yang bersungguh ini, di-panggil dua tiga Wakil Ra'ayat berfikir dan jangan tinggalkan sa-kali² wakil dari gabungan dewan² perniagaan tanah ayer, kerana mereka ini mempunyai jalan² yang saya rasa, Tuan Pengerusi, otak-nya lebeh baik chara² mendapatkan wang untok Kerajaan. Orang² di-sini chuma ada sa-tengah²-nya hendak menchari duit kerana mendapat gaji sahaja, tetapi kami daripada *sector* perniagaan, kami selalu tiga empat langkah dahulu daripada pehak Kerajaan. Umpama-nya, Tuan Pengerusi, wang chukai teksi yang telah di-naikkan 100%, saya berpendapat pendapatan orang² yang menjalankan teksi dalam bandar ini pada tiap² hari dan hetong panjang dalam sa-tahun jauh lebeh banyak, jauh lebeh besar pendapatan-nya daripada pemandu² teksi di-luar bandar. Jadi, kalau di-naikkan 100% terus-menerus ini tidak 'adil. Pendapat saya, Tuan Pengerusi, elok sa-kali kalau dalam bandar (urban areas) di-naikkan 100%, di-luar bandar di-naikkan 70%—ini 'adil. Jadi, ini-lah salah dia, dia tidak tahu berfikir. Dia tidak kena sakit. Oleh sebab itu terlebeh dahulu, Tuan Pengerusi, saya telah chadangkan lain kali sa-belum naikan chukai ini chari orang luar daripada *officials*, orang yang betul² tahu dalam hal perniagaan. Satu perkara saya memberi chontoh, Tuan Pengerusi, Kementerian ini lewat hendak mengutip wang-nya ia-itu macham hasil daripada gas. Kita tengok macham Esso Gas, Shell Gas. Satu hari dia mesti chukai. Kerana daripada *kerosene* atau minyak gas sekarang di-kutip chukai, daripada *petrol* di-kutip chukai, daripada *diesel*, *high-powered diesel* di-kutip chukai; *Gas* daripada *family* itu juga, dari

kumpulan ini juga, free, mengapa? Ini sudah ratus ribu. Jadi, hendak mendapat \$14 juta itu, Tuan Pengerusi, chukup senang saya rasa, Tuan Pengerusi kalau susunkan chara² kutipan itu di-perbaikki lagi.

Tuan Pengerusi, saya dapati hati Yang Berhormat Menteri Kewangan kita ini sangat baik, sangat bertimbang rasa pada ra'ayat jelata. Dua tiga tahun sudah Kerajaan kita sudah menaikan hasil di atas minyak *diesel*. Semua orang kena termasuklah pentadbiran N.E.B., Keretapi, lombong² dan sa-bagai-nya. Semua orang kena naik chukai, jadi kemudian ada rayuan, kata Menteri ta' apa-lah pelombong² dan industrialists boleh-lah kalau menunjokkan kesusahan mereka itu chukai minyak *diesel* ini boleh di-kurangkan 12 sen pada tiap² satu *gallon*. Apa jadi, Tuan Pengerusi, pada hari ini. Kita tengok merata² jalan di-seluruh tanah ayer kita ini *skid tank*, tank itu dibuat-nya tidak ada meter, tidak ada payah periksa, tidak ada payah jalan² yang betul². Sa-benar-nya minyak *diesel* ini patut pergi ka-lombong, kapada *industries*, tetapi orang ini jualkan, dijual kapada pump minyak sa-banyak 79 sen satu *gallon*, kapada pelombong diberi kurang 12 sen dan untong-nya lagi. Jadi, orang ini lari chukai. Kalau ini di-betulkan pehak *Custom and Excise* saya rasa \$½ juta senang sahaja dapat. Ini orang larikan chukai. Jadi dia punya susunan pentadbiran, Tuan Pengerusi, sangat² mendatangkan orang boleh lari daripada chukai, senang sahaja.

Itu-lah saya menitek beratkan perkara ini, Tuan Pengerusi, lain kali jangan katakan kita pandai, orang daripada *business sector* itu lebeh pandai, dia punya otak-nya itu bergeliga, lebeh jauh, dia mesti chari jalan yang lebeh menguntongkan. Jadi, orang² ini lain kali pada tahun ka-hadapan, Tuan Pengerusi, kalau hendak naikan chukai chari-lah jalan dan kerjasama yang dekat sa-kali, sungguh pun perkara² ini *top secret*; suroh orang ini bersumpah, katakan jangan keluaran rahsia² yang akan merosakkan *machinery* chara² mengutip chukai, ini akan mendatangkan faedah, tidak payah naik chukai di-mana. Pada tahun ini senang sahaja

kita dapat \$14 juta. Jadi, saya sa-kali lagi mengatakan chara² mengutip chukai sangat² tidak memuaskan.

Satu perkara, Tuan Pengerusi, kita ingat baharu² ini mendatangkan kesusahan, kepayahan yang sangat berat kapada ra'ayat kita dalam tanah ayer ini berkenaan dengan wang baharu. Ini pun mereka tidak mahu bertanya kapada kita, Wakil Ra'ayat tidak bertanya sa-kurang²-nya ambil-lah sa-orang dua; kita tahu macham Yang Berhormat Tunku dari Rawang dia tahu banyak hal-ehwal itu, tanya dia otak-nya jauh daripada orang² ini, jadi tidak-lah perkara ini susah. Walhasil apabila benda ini keluar, wang tukaran tidak ada 5 sen kurang, 10 sen kurang, 20 sen kurang. Jadi, saya harap perkara ini tidak berulang sa-kali lagi, mesti ambil pandangan daripada *private sector*.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi saya hendak bagi chontoh, perkara yang berjalan berluasan² dan sudah menjadi chabaran kapada Kerajaan kita. Satu sumber hasil negara yang sangat baik ia-itu daripada jualan chandu. Kalau kita pergi ka-Batu Road sana kita boleh dapat chandu senang sahaja. Di-pekan rumah saya di-Tanjong Tuang senang sahaja dapat chandu. Mengapa tidak bagi pehak² yang berkehendakkan chandu ini di-benarkan. Masa British di-benarkan, kita merdeka pun bukan-lah kita takut kapada British; orang² yang hendak mati hisap chandu, dia hendakkan chandu, dia mesti chari chandu, bunoh dia pun, dia hendak chandu. Jadi, kita legalisekan. Ini satu sumber pendapatan kapada Kerajaan.

Saya tidak sokong perkara ini kalau di-benarkan berjalan berluasan² dalam negeri kita ini, Tuan Pengerusi, tetapi kita fikirkan hak peri kemanusiaan perkara itu berjalan berluasan². Umpamanya macham dahulu judi tikam ekor bila kita hendak hapuskan tidak dapat di-hapuskan. Jadi, kita legalisekan kapada ada orang yang sakit, orang itu berkehendakkan dapat faedah dan kalau ra'ayat jelata dan Kerajaan khasnya pun dapat hasil. Ini-lah saya harap Kementerian ini berfikir bersungguh² di-atas jurusan ini.

Lagi satu sumber, Tuan Pengerusi, saya hendak sebutkan, ia-itu macham wang di-dapati daripada hasil *passport*, saya telah menyatakan sa-chara kasar kelmarin apabila saya berchakap hal-ehwal satu perkara baharu² ini, *passport* ini beribu² orang hendak bayar, duit-nya \$15 satu *passport*, tetapi chara hendak mengambil *passport* itu susah, chukup sakit kapada ra'ayat jelata. Jadi, patut Menteri ini

Dr Ng Kam Poh: Tuan Pengerusi, *passport* ini tidak kena-mengena dengan Kementerian saya. Ini ia-lah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Tajudin bin Ali: Tuan Pengerusi, saya pun faham, saya pun lama dalam Parlimen ini. Saya hendak shor-kan chara² Menteri ini dapat wang, dia boleh bekerjasama dengan Pejabat Immigression dapat duit yang senang sahaja. Wang ia-lah pegangan Menteri Kewangan ini satu chara wang datang pejabat-nya senang sahaja. Bisekan-lah kapada Pejabat Immigression katakan keluarkan *passport* senang sadikit, dia dapat duit, ra'ayat jelata senang dapat *passport*. Jadi ini pun kalau di-betulkan susunan ini, Tuan Pengerusi, beratusan ribu boleh dapat wang untok masok ka-Perbendaharaan kita.

Satu sumber yang akhir sa-kali yang saya suka menyatakan di-bawah Kepala ini, Tuan Pengerusi, ia-lah berkenaan dengan; barangkali dua tiga juta ringgit dari *Death Duty Office* sahaja. Lima enam tahun perkara² ini tidak berjalan, kes ini tidak berjalan dengan baik, orang semua hendak bayar duit ini, tetapi kes itu tidak dapat di-selesaikan. Jadi, saya rasa molek-lah untok negara kita yang pentadbiran-nya di-betulkan sadikit lagi dan wang yang bermillion boleh dapat daripada *Death Duty*, semua orang suka hendak bayar tetapi chara pentadbiran chukup banyak *red tape*, ini-lah saya tidak puas hati sangat, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, berchakap di-atas B. 25 muka 282—Kastam dan Eksais sa-banyak \$13,160,798. Saya sa-bagai ahli perniagaan tidak puas hati jugalah mendengarkan chara mengutip chukai di-tambak Johor itu, boleh lagi di-baiki. Kadang² lepas malam datang pula lori² dengan barang² yang hendak

masuk itu terpaksa bayar *overtime* dan sa-bagai-nya. Ini tidak baik kepada negara kita dan lalu-lintas *commerce* dan *industry*. Saya harap wang bayaran *overtime* ini di-hapuskan dan di-benarkan *trade industry*, sama ada, malam siang dan *holidays* di-benarkan berjalan terus-menerus dengan tidak ada bayaran yang bertambah. Kita tengok macham Pejabat Polis, dia berjalan terus menerus, bagitu juga hospital berjalan terus-menerus, Kastam dan Eksais mengapa mereka hendak mengambil *special privilege* pula. Saya tidak faham ini mendapatkan berjuta ringgit juga kalau di-betulkan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, akhir-nya B. 23, Pechahan-kepala 8 muka 273—*Crown Agents Expenses* sa-banyak \$470,000. Saya ulangi sa-kali lagi \$470,000 untuk memberi kepada *broker* sahaja dengan membeli barang², basikal, motokar, kertas² yang ada di-hadapan kita ini, tidak-kah kita sudah belajar lama-nya ini sejak daripada Kerajaan British dahulu lagi, sa-lepas merdeka ini 10 tahun umpama-nya kita hendak urusan perkara motokar, kita tahu Ford, Morris, kita beli terus, mengapa kita pakai *broker* lagi—*Crown Agents* ini. Kita hendak perkara tulis-menulis, hendak ubat, kita terus kepada *pharmacy* dia, mengapa kita pakai *broker* lagi, tidak erti lagi perniagaan yang macham ini senang? Saya hairan Tuan Pengerusi. Jadi, saya harap sangat² supaya perkara perbelanjaan yang tidak patut ini di-hapuskan dan kita selamatkan-lah perbelanjaan bagi tahun ini \$470,000 kalau kita tidak pakai *broker* atau orang tengah ini. Dan lebeh lagi, saya tahu, ini kalau tidak betul minta Yang Berhormat Menteri betulkan, *Crown Agents* ini ia-lah *Agents* kepada Kerajaan British, kalau umpama-nya kita beli barang² daripada Kerajaan British, dia tidak masuk menyebelah kita, agreement yang di-buat itu, patut dia menjaga kita tetapi sa-balek-nya, dia memelihara kepentingan kaum kapitalis di-negeri dia sendiri, khas-nya England. Jadi sa-patut-nya, kalau kita pakai dia jadi *broker*, dia hamba kita, tidak sa-balek; dia mesti bagi berat kepada bangsa dia sendiri, negeri dia sendiri, jadi apa faedah kita pakai *broker* ini, Tuan Pengerusi. Saya harap pada hari akan datang, kita terus ber-

utus terus dengan firm² yang berkenaan apabila kita hendak perkara² bagi faedah negara dan ra'ayat kita. Sekian, terima kaseh.

Tuan Ismail bin Idris (Pulau Pinang Selatan): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong perbekalan Kementerian ini. Sa-bagaimana kita ketahui hidup-nya sa-saorang manusia ia-lah di-sebabkan nyawa, hidup sa-sabuah negara itu ia-lah datang-nya daripada wang. Jadi, elok sangat-lah Kementerian Kewangan ini menjalankan ikhtiar² bagi mendapatkan kewangan yang lebeh untuk membiayai perjalanan dan pentadbiran negara kita yang muda ini.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyampaikan ucapan terima kaseh banyak kepada Menteri Kewangan yang telah bermurah hati dan ber-simpati dengan penjaja² dan penjual² kechil berkenaan dengan 5% Chukai Pembangunan.

Sa-belum Yang Berhormat itu mengishtiharkan memberi kedudukan yang baik kepada penjaja² kechil ini, ia-itu pada tahun 1967 dahulu, penjaja² yang berpendapatan \$500 ka-bawah sahaja di-kechualikan daripada membayar chukai 5%, tetapi oleh sebab penjaja² kechil itu telah membuat rayuan dan desakan menerusi Wakil² Ra'ayat dan sa-bagai-nya, maka pada tahun ini Yang Berhormat Menteri telah mengishtiharkan ia-itu pendapatan penjaja² kechil \$2,000 ka-bawah telah di-kechualikan daripada membayar Chukai Pembangunan 5%. Ini-lah yang memberangsangkan dan menyenangkan hati penjaja² kechil.

Tuan Pengerusi, ada satu perkara yang saya hendak beritahu dalam Majlis ini, ia-itu apakala Kementerian ini hendak membuat sa-suatu pindaan, atau satu perubahan kepada chukai², saya rasa patut-lah Kementerian ini mengadakan perundingan, atau pun pakatan dengan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan. Saya beri satu contoh berkenaan dengan kenaikan chukai Dunlop Tyre yang di-ishtiharkan pada 19 haribulan ini.

Mengikut apa yang saya tahu dalam sa-tahun dahulu harga bagi satu tyre

Dunlop yang di-beli sa-chara retail, ia-itu lebeh kurang \$47 di-masa waktu getah maseh berada di-antara 50 sen atau 60 sen, tetapi apakala getah telah turun harga hingga 50 sen, 48 sen, 46 sen, maka harga bagi satu tyre Dunlop maseh berada harga yang lama juga dan apakala di-ishtiharkan kenaikan chukai bagi tyre Dunlop—tyre motor car, maka naik-lah juga harga tyre itu mengikut keadaan chukai yang di-naikkan. Semalam saya berpeluang membeli satu tyre Dunlop dan saya telah kena bayar \$49 berma'ana pada tiap² satu tyre yang saya beli semalam, saya kena bayar lebeh \$2 daripada tahun sudah yang saya bayar \$47 wal-hal harga getah hari ini, kalau dibandingkan dengan hari ini mengikut Menteri Perdagangan dan Perusahaan ada-lah lebeh murah daripada harga getah semenjak tahun 1949 dahulu. Itu-lah saya minta hari ini supaya didalam hendak mengadakan, atau pun hendak membuat pindaan², atau hendak mengubah satu² chukai kepada satu² benda, maka terlebeh dahulu Kementerian ini, ia-itu Kementerian Perdagangan dan Perusahaan menchari jalan atau berunding bagaimana-kah kita hendak naikkan chukai supaya orang ramai tidak terlibat begitu besar, begitu terok di-dalam membayar chukai ini, walhasil Kerajaan hanya mendapat sekian banyak, tetapi pehak² majikan, pehak² yang membuat mendapat lebeh tinggi, lebeh banyak dan kerugian di-timpakan kepada orang² yang menggunakan benda² itu.

Sekarang saya hendak beraleh kepada muka surat 273 ia-itu Pechahan-kepala 7—Elaun Belanja Hidup atas Penchen bagi orang² yang bersara sa-banyak \$8,150,000. Saya telah menerima beberapa banyak rayuan² daripada orang² yang telah bersara yang sekian lama. Saya suka hendak memberi satu chontoh, ia-itu ada sa-orang yang maseh hidup yang berumur sekarang 87 tahun dan dia telah bersara semenjak tahun 1925, dan dia maseh hidup, maseh ada keluarga, maseh ada isteri, maseh ada anak besar dan kecil. Dan pendapatan-nya hari ini hasil daripada saraan itu hanya \$18 sahaja. Saya hendak bertanya, Tuan Pengerusi, bagaimana-kah sa-saorang yang telah berjalan dan

telah memberi tugas-nya kepada Kerajaan sekian lama dan telah bersara sekian lama, dia ada mempunyai anak dan tanggungan sekian banyak dan dengan keadaan perjalanan hari² hari ini hanya mendapat \$18 pada sa-bulan. Wal-hasil kedudukan negara kita hari ini perbelanjaan yang \$18 sudah tentulah tidak mencukupi bagi sa-saorang yang sa-macam ini dan harus-lah beribu² orang yang berperasaan penderitaan yang sa-macam ini maseh ada di-dalam negara kita ini. Ini-lah satu rayuan yang berkali², yang bertubi² kali yang telah di-hadapkan kepada Kementerian ini. Saya rasa ada banyak Ahli² Yang Berhormat di-sini telah menyuarakan perkara ini beberapa kali, tetapi penyuaran² itu maseh di-tutup telinga, atau pun maseh di-ketepikan. Saya harap benar² supaya perkara ini dapat di-ambil perhatian yang berat demi kepentingan dan demi dapat kita menyokong dan melihat kedudukan penderitaan orang² yang penchen ini, orang² yang bersara sekian lama ini mendapat perhatian daripada Kerajaan. Orang² ini memang orang² yang ta'at setia yang tidak ada belah bagi-nya kepada negeri lain. Dengan ucapan saya ini-lah saya berharap benar² sa-kira-nya Kerajaan boleh menolong mereka ini, mudah²an mereka dapat hidup beberapa lama lagi untuk memberi sumbangan dan memberi kerjasama mereka kepada Kerajaan ini. Ini-lah permintaan saya, terima kaseh.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Pengerusi, saya bangun memberi sokongan penoh di atas peruntukan perbekalan bagi Kementerian Kewangan ini.

Menyentuh saya, Tuan Pengerusi, muka 276—Pengawal Kastam Negara dan muka 263—Menteri Kewangan. Saya suka-lah, Tuan Pengerusi, menyatakan di-dalam Dewan ini dan banyak antara rakan² saya yang telah berchakap di-dalam Dewan ini berkenaan dengan bagaimana supaya kita boleh mendapat wang yang lebeh untuk Perbendaharaan Malaysia ini.

Saya memikirkan, Tuan Pengerusi, kita telah kehilangan banyak wang hasil negara akibat daripada penyeludupan² barang² kita yang keluar

negeri begitu juga barang² yang masuk ke-dalam negara Malaysia, terutama sekali di sempadan Malaysia di antara Malaysia dengan Singapura dan begitu juga di antara Malaysia dengan Thailand.

Saya rasa kira-nya kalau dapat Menteri Kewangan menchari satu jalan dan ikhtiar², bagaimana supaya dapat kita menyekat penyeludupan² ini supaya negara kita akan bertambah maju dan akan bertambah ma'mor dan banyak kita boleh dapat lagi hasil² daripada usaha² itu. Walau pun kita dapati di-pehak Pengawal Kastam Negara dan anggota²-nya telah bekerja dengan bertungkus-lumos siang dan malam untuk menyekat penyeludupan² yang sa-macham itu berjalan dalam negara kita. Dan begitu juga kita dapat faham daripada siaran² akhbar bahawa negara kita sedang bekerja dan berikhtiar dengan bersungguh²-nya dengan negara jiran, ia-itu seperti Thailand menchari jalan bekerjasama bagaimana dapat menyekatkan penyeludupan² itu berlaku dalam negara kita. Akan tetapi, Dato' Pengerusi, rasa saya ada satu perkara yang dapat kita amalkan dan janganlah kita bebaskan perkara² yang begitu besar terhadap Pegawai² Kastam yang mana kita telah membaca dalam akhbar dan begitu kejadian² yang telah berlaku bahawa banyak daripada Pegawai² Kastam kita yang telah mati akibat daripada angkara² perbuatan daripada gulongan² yang menyeludup barang² ini.

Jadi, saya hendaklah mengshorkan kepada Menteri Kewangan supaya beliau mengadakan satu peruntukan wang yang agak besar juga dan saya perchaya beliau dapat berunding dengan Menteri Pertahanan supaya dapat mengadakan satu pasukan kawalan yang di-namakan *Frontier Forces* ia-itu kawasan sempadan, yang mana usaha² yang sa-macham ini, Dato' Pengerusi, kita dapati telah dijalankan di-dalam negara² yang maju seperti di-Canada, dan Mexico dan lain² lagi. Jadi dengan chara yang sa-macham ini, maka dapatlah kita merengankan beban² yang kita letakkan di-atas Pegawai² Kastam kita yang tidak begitu mahir, kerana latihan

Pegawai² Kastam kita bukan-lah untuk memikul senjata ia-lah untuk mengutip chukai², dan sa-takat mana dan sa-jauh mana yang mereka itu dapat mempertahankan, tetapi kalau sa-macham mana saya sebutkan sa-kejap ini tadi, Tuan Pengerusi, maka saya perchaya-lah banyak usaha² yang dapat kita menchegehakkan perbuatan penye-ludupan itu dan kita akan dapat menguntungkan hasil negara yang beratus² juta ringgit pada tiap² tahun hilang hasil negara yang tidak di-ingini itu. Jadi itu-lah sahaja, Dato' Pengerusi, yang saya hendak membuat shor di-dalam Kementerian ini dan yang akhir sa-kali berkenaan dengan Bahagian Pendaftaran Perniagaan, muka 287, ini pun saya merayu-lah kepada pehak Kementerian Kewangan supaya memerhatikan dengan benar²-nya 'alamat² bagi sa-suatu² atau mereka yang hendak meregisterkan perniagaan-nya supaya tidak menjadi keliru, kerana saya ada mendapat tahu dan kita juga ada dapati dalam negara kita dalam sedikit masa ini berapa banyak orang² yang telah mengguna perniagaan yang palsu yang hanya menggunakan 'alamat *post box* nama sahaja. Jadi bila hendak di-siasat, tidak tahu di-mana munchol-nya usaha² ini. Jadi ini pun saya berharap, Dato' Pengerusi, supaya dapat-lah Kementerian Kewangan memberi pertimbangan dan ikhtiar dengan sa-sungguh-nya memerhati supaya jangan ada pendaftaran² palsu dalam perniagaan ini di-dalam negara kita yang akan memberi satu kesusahan yang besar kepada ra'ayat. Jadi sa-takat itu-lah sahaja, terima kaseh.

Dato' Dr Haji Megat Khas (Kuala Kangsar): Tuan Pengerusi, di-samping saya memberi sokongan saya kepada belanjawan yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di-Dewan ini, saya juga rasa patut-lah saya memberi pandangan sedikit sa-banyak walau sa-kali pun kawan² sa-jawat di-dalam Dewan ini telah merayu berbagai rayuan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dalam beberapa perkara yang tidak patut di-jalankan dan barangkali ada di-antara-nya juga ada yang patut di-jalankan.

Saya sa-bagai Ahli biasa di-dalam Dewan ini, sa-bagaimana juga Ahli yang lain telah menerima beberapa rayuan, dan satu daripada rayuan yang saya hendak chakapkan di-sini, di-hadapan Tuan Pengerusi, dan Ahli² yang lain, telah pun di-sentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara tadi, ia-itu berkenaan dengan kenaikan chukai teksi. Chukai teksi betul-lah di-naikkan 100%, jadi dengan itu, saya telah mendapat rayuan, ia-itu bukan-nya sahaja dengan sebab penduduk² di-luar bandar sekarang ia-lah meleset dan merusot kehidupan-nya, akibat daripada kejatuhan getah dan kenaikan harga² benda² makanan, tetapi juga dengan sebab yang lain², maka dengan sebab itu di-timpa pula oleh chukai yang lebeh wal-hal-nya penumpang² yang menggunakan teksi di-dalam kawasan luar bandar ada-lah ber-kurangan.

Sa-lain daripada chukai yang telah di-minta oleh Menteri Kewangan di-naikkan 100% itu, lain² chukai juga di-tanggung oleh pemandu² teksi, ia-itu Chukai Pembangunan Development Tax. Kemudian yang ketiga-nya Insuran Company tempat mereka itu telah mengadakan, mengambil insuran-nya jadi mempermainkan mereka itu pula. Kalau-lah sa-kira-nya ada rosak, atau pun berlanggar, atau apa² dan belanja memperbaiki-nya tidak lebeh daripada \$500; \$500 ka-bawah, mereka itu juga-lah kena membayar dengan sendiri. Tadi Ahli Yang Berhormat yang telah berchakap telah mengatakan harga tayar telah naik, bukan-nya harga-nya sahaja yang naik bahkan semua harga barang² yang di-kehendaki di-dalam jentera ada-lah berlipat-ganda naik-nya daripada hari ini sparking plug dan lain-nya pun naik juga. Jadi saya berasa kalau-lah sa-kira-nya sa-benar-nya Yang Berhormat Menteri Kewangan ada merasakan simpati kepada orang² miskin yang menchari hal hidup dan chara menjadi pemandu² di-dalam teksi yang ada di-luar bandar, saya minta-lah ulang kaji chukai ini. Samalam saya dapat berpeluang ber-cherita dan berchakap² dengan teksi driver juga yang mengatakan apabila

telah di-tolak semua pendapatan dan perbelanjaan-nya yang di-dapati-nya ia-lah \$5.60 sa-bulan.

Jadi saya pun hairan macham mana boleh hidup dengan \$5.60 sa-bulan, pada hal ini anak hendak pergi sekolah, hendak makan, kain baju di-kehendaki, kasut, sepatu, hendak juga di-baharu-kan, buku² pun hendak di-beli, tentu-lah tidak boleh. Jadi dengan itu saya juga merayu kepada Menteri supaya dapat perkara ini di-ulang kaji supaya jangan-lah memberatkan sangat kepada ra'ayat jelata. Satu lagi perkara yang saya hendak menyentuh bukan-nya sahaja pada kali ini pada hal pada kali yang lain ia-lah telah di-sentuh dan di-katakan oleh sahabat saya daripada Pulau Pinang Selatan, ia-itu berkenaan dengan orang bersara ini, orang yang bersara ini saya sudah minta izin, ia-itu saya hendak membukakan per-kara ini, tetapi daripada pehak Kera-jaan telah melarang saya jangan di-buka, kerana banyak sangat tuntu-tan yang akan datang dan Kerajaan tidak berupaya hendak mengelolakan perkara ini, kerana tuntutan itu ia-lah tuntutan yang patut di-dalam lapangan, atau pun bidang orang² yang bersara ini sa-bagai Tuan Pengerusi sa-orang yang bersara sendiri mengetahui tidak ada siapa yang kita hendak minta bantuan, melainkan daripada Kerajaan-lah belas ihsan kepada orang itu.

Orang yang bekerja dalam jawatan² Kerajaan, atau pun di-dalam perusa-haan boleh mogok, dia ada senjata dia, kita hendak mogok pada siapa. Dengan itu saya rasa perkara ini walau pun sedikit patut-lah di-timbangkan oleh Kerajaan memberi sara hidup yang lebeh banyak kepada orang² yang telah bersara yang macham di-katakan, di-chontohkan oleh sahabat saya tadi dapat \$18 sa-bulan, apa hendak di-makan, makan rumput pun tidak dapat. Dengan itu, itu sahaja-lah, Tuan Pengerusi, saya menerima kaseh banyak².

Tuan Abdul Karim bin Abu: Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian berchakap di-Kementerian Kewangan ini sedikit sahaja. Pada muka 273, Pechahan-kepala 7—Elaun Belanja

Hidup atas Penchen. Saya merayu kapada Yang Berhormat Menteri berhubong dengan penchen² orang² yang baharu, kadang² sampai sa-tahun lebeh baharu penchen itu dapat di-terimanya. Jadi, ini ada-lah menderitakan kapada mereka² yang baharu penchen. Saya berchakap kapada pehak Menteri supaya dapat di-lekaskan kapada mereka² yang penchen itu mendapat penchen-nya.

Sa-lain daripada itu pada mereka² yang penchen ini dia merayu supaya kalau ada hari² tahun baharu, atau pun Hari Raya supaya dapat penchen dia di-terima masa hendak tahun baharu, atau pun Hari Raya.

Tuan Pengerusi, pada muka surat 274, Pechahan-kepala 32—Bayaran Komishen kapada Jabatan Perkhidmatan Pos. Saya merayu kapada Yang Berhormat Menteri, Wakil² Pos di-Kampong supaya dapat di-timbangan bagi di-lebeuhkan bayaran atas kerjanya yang telah menjalankan khidmatnya begitu chemerlang.

Pada muka surat 287—Bahagian Chukai, saya menchadangkan Lesen Money Lender hendak-lah di-naikkan, chukai yang ada sekarang \$125 di-jadikan kapada \$2,000 kerana bagi pehak ra'ayat pada hari ini telah di-beri peluang oleh Kerajaan meminjam wang dari Kerajaan melalui MARA atau lain²-nya. Tetapi yang ra'ayat susahkan sekarang meminjam kapada Money Lender ini umpama meminjam wang \$50 dia terpaksa menulis \$500. Jadi, ini-lah di-harapkan supaya dapat pertimbangan daripada Yang Berhormat Menteri kerana ini juga menjadikan satu hasil negara.

Muka surat 286—Hasil Dalam Negeri. Saya menchadangkan bagi menambah hasil dalam negeri ini, ia-itu Kelindan² Lori yang ada beribu² buah di-seluruh Malaysia ini hendak-lah dikenakan lesen seperti Kelindan² Bas yang ada di-seluruh Malaysia ini. Kalau Kelindan² Lori ini di-kenakan lesen, saya fikir penambahan hasil negara berjuta² ringgit lagi. Tuan Pengerusi, ada merbahaya-nya pula Kelindan² Lori yang tidak ada lesen

ini, ada kadang² yang menjadi Kelindan² Lori ini budak yang berumur 15 atau 16 tahun, atau pun orang tua yang sudah hendak mati dudok di-belakang. Kadang² apabila motokar kita mengikut dari belakang, dia tidur di-belakang. Nasib tidak baik dia tidak jatuh. Kalau dia jatuh, alang-kah merbahaya-nya.

Jadi, ini, Tuan Pengerusi, sa-lain daripada kita mendapat menambah hasil negara, kita menjaga keselamatan lalu-lintas yang ada di-sekitar tanah ayer kita ini. Saya tidak-lah hendak berchakap panjang berhubong dengan kelindan² yang selalu membahayakan lalu-lintas. Kalau kurang perchaya, barangkali kalau kita menunda sa-buah lori, dia tidak hirau langsung motokar datang dari hadapan, motokar hendak lalu dari belakang, kerana apa ini, Tuan Pengerusi, tidak lain dan tidak bukan, kerana kelindan² itu tidak ada pelajaran, tidak di-beri course, tidak ada mempunyai lesen seperti kelindan² bas. Tuan Pengerusi, sa-kiranya chadangan saya ini di-terima, saya suka menchadangkan kapada Yang Berhormat Menteri, chukai yang di-naikkan kapada teksi hendak-lah di-batalkan, kerana ini sudah menjadi hangat kapada seluruh driver yang ada di-dalam Malaysia ini. Sa-olah² Kerajaan hendak menekan orang miskin. Saya tahu sa-bagai sa-buah Badan Sharikat Kerjasama, bagi pehak Shari- kat kami ada mempunyai dua lesen teksi ini hendak membayar chukai yang belum naik kelmarin pun susah; sekarang telah di-naikkan 100% saya perchaya ini sangat-lah berat kapada teksi² yang ada di-seluruh Malaysia ini.

Jadi, kalau kita dapat hasil daripada mengenakan lesen kapada Kelindan Lori, batalkan-lah chukai kapada lesen teksi ini.

Dr Tan Chee Khooon (Batu) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I rise to support the voice of the two previous speakers and I hope they are not voices in the wilderness as regards this tax on taxis. I agree entirely with them—and it is not often that I agree with Government backbenchers that this increase of tax on taxis imposes an intolerable

burden on taxi drivers or taxi operators to the extent that the Member for Kuala Kangsar has stated that a taxi driver told him yesterday that at the end of every month after deducting all the expenses including his—I presume his daily meals for himself—he is left only with \$5.60. I dare say that even the hard-hearted Minister of Finance or his Assistant Minister cannot live on \$5.60 a month and, as such, before the taxidriver in this country either go bankrupt or rise up in revolt, I would urge the Minister to have a very close look on this increase of taxes on taxis.

The other point that I wish to touch on, Mr Chairman, Sir, is the control by the Treasury. It seems to me that the farther one goes away from the Treasury the less is the heavy hand of the Treasury felt. I have during the past few days highlighted many of the malpractices that have occurred in the Government Departments, as highlighted in the Auditor-General's Report for 1965. I say that a good number of the losses incurred by the various Government Departments would not have occurred if the Treasury had been a little more careful in giving out the subventions to the various Ministries and to the various Departments. To give but one example I have asked the question on how the Treasury paid out money to the Perak State Government for road maintenance for 4.5 miles of abandoned road, and I say, literally, the Treasury had been taken for a ride on an abandoned road.

Mr Chairman, Sir, I come now to page 271, O.C.A.R., Sub-heads 25 and 28, Transport and Travelling. Under Sub-head 25, there is an increase from \$1,200 to \$12,000, and under Sub-head 28 there is an increase of \$6,000, from \$6,000 to \$12,000. I do know that the various people who have to travel under this Head must incur expenses. But it does seem to me that since in one instance the increase is ten-fold, that is, from \$1,200 to \$12,000, and in the other instance, the increase is two-fold, from \$6,000 to \$12,000, the taxpayer is entitled to a detailed explanation from the Minister.

On page 273, under O.C.A.R., Sub-head 10, there is an item of \$500,000 for "Expenses of Delegates to Overseas Conferences". Now, I do know that officials of the Treasury have to attend various conferences and have to go to various capitals in the West to negotiate for loans. But I maintain that this vote of \$500,000 should be spent only with the greatest care to see that money is not thrown down the drain for these people to have a little flutter in Paris or in San Francisco, for example, where restaurants with topless waitresses are a feature.

Mr Chairman, Sir, I come to losses from Government Stores and Public Losses. Last year the allocation, I believe, was \$43,000; this year for some reason the allocation has been increased to \$50,000 and we do know that we in this House have just approved of a supplementary for this item of \$206,000. Again, I maintain that if the Treasury were a little more careful in giving out money to the various Government Departments, then such losses can be cut down to the barest minimum.

I now come to item of Entertainment, Mr Chairman, Sir, and on page 270 there is an item for Entertainment Expenses of \$6,000 and on page 274 under O.C.A.R. there is an item of expenditure of \$25,000 for Entertainment. And if one looks at the whole Budget for this year, it is cluttered with such items known as "Entertainment". In this instance, the Minister has under separate headings \$31,000 for Entertainment. I do hope that those who want to hold a "stengah" in their hands at various cocktails in their homes will remember the plight of the taxi drivers, for example, as highlighted by the Member for Kuala Kangsar when he said that the taxi driver gets only \$5.60 per month as income.

Mr Chairman, Sir, I come now to page 276—Customs, and I want to bring to the attention of the Minister, and I do not think he does not know about it, the smuggling that is going on at our various points of entry, in particular the smuggling that is going

on in Johore Bahru. Mr Chairman, Sir, I have here with me, you see, a very beautiful lady, a very beautiful lady dancing. These are various electronic gadgets of a very popular brand and these are being sold in Kuala Lumpur at below what the agency houses give to the various shops in Kuala Lumpur. Now, if these popular brands of electronic equipment are sold below what the agency house gives to the various retailers, then this has very serious implications. It means that the retailer may, in trying to turn the money round, deliberately sell below his cost, so that, supposing this gadget costs \$500, he gets it from the importing agency at \$500. Then he sells it quickly at \$450 for cash. He has the cash and he quickly turns it round. Some retailers may do that. Or, the retailer may not get it from the agency house, but might have smuggled it across Johore Bahru and, therefore, is able to sell these electronic equipment at below what the agency houses give to the retailers. Sir, I submit that this leak in our various points of entry means a serious loss of revenue to the Treasury and I do hope that the Assistant Minister of Finance will look into this matter of smuggling of popular brands of electronic equipment in Kuala Lumpur. He has got to ask those honest dealers and he can get a list of those people who are selling these equipment below cost, and I do hope that he will also put the Anti-Corruption Agency on the trail of these people who are indulging in such dishonest practices.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Sir, with your permission, is the Honourable Member for Batu aware of things being sold at half the cost, but they may be stolen property? Has he presumed that too?

Dr Tan Chee Khoo: Yes, it may be stolen property, but if the Honourable Assistant Minister, or even the Honourable Minister of Transport, were to go and ask—I don't want to mention names—these people who are in the business, he will know that these equipment are not stolen property; they are smuggled property.

Dr Ng Kam Poh: On a point of clarification. If the Member for Batu is so sure that this is not stolen property, will he please enlighten me or write to me and tell me who is the person who smuggled it, and I can assure him that I will make a proper arrest if possible.

Dr Tan Chee Khoo: I anticipated such a question, Mr Chairman, Sir. Privately I will give the Honourable Assistant Minister a list of people who I am told are selling these equipment at below cost. Now, Mr Chairman, Sir, I notice that the Ministry has an item of \$6 million for secret service. I hope some of these will be diverted to keeping track at Customs points of people who are smuggling goods into this country.

In conclusion, Mr Chairman, Sir, I now wish to come to page 289. There is an item of COLA which has jumped from \$22,120 to the enormous sum of \$856,676. Then there is an item of housing and hotel expenses on the same page which has jumped from \$8,250 to \$618,698. Now, I maintain that these enormous increases totalling more than a million dollars together is a very big increase and this House is entitled to a detailed explanation from the Honourable Assistant Minister. Under O.C.A.R. Sub-head 10, there also the rent is increased from \$11,193 to \$154,816 and under O.C.A.R. Sub-head 11 there is also an increase from \$29,000 to \$190,000. Now, I maintain that these enormous increases are not in keeping with the rigorous economies that the Minister of Finance told us when he delivered his Budget speech. Therefore, I would urge the Honourable Assistant Minister to get the Treasury to scrutinise all these items of expenditure that I have highlighted, in particular these enormous increases that have been shown in the figures for the Treasury. Thank you.

Tuan Pengerusi: Persidangan ini di-tempohkan hingga pukul 4.00 petang ini.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 4.05 petang.

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1968

(Jawatan-kuasa Perbekalan)

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Meshuarat Jawatan-kuasa)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Dato' Pengerusi, saya bangun menyertai rakan² saya menyokong belanjawan yang di-minta oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ini.

Sa-belum daripada itu, saya minta izin, Dato' Pengerusi, ia-itu kita berasa shukur kepada Tuhan atas keselamatan dan kepulehan Yang Berhormat Menteri Kewangan dan keluarga-nya yang mana dalam kechemasan berlaku dalam kereta-nya pada hari sa-malam.

Sa-lain daripada itu, Dato' Pengerusi, gemar saya menarek perhatian dalam Kepala B. 23, Pechahan-kepala 29—Sewa Rumah Kerajaan Negeri yang di-duduki oleh Pegawai² yang berkhidmat di-Jabatan² Persekutuan. Wang yang menghendaki pada tahun ini lebeh daripada tahun yang lalu. Dengan peruntokan wang yang sa-bagini banyak, saya menarek perhatian Kerajaan supaya di-masa yang akan datang membuat satu ranchangan mengadakan rumah bagi pegawai² kita yang tersebut itu dan Pegawai² ini menurut hemat saya ada-lah pegawai yang tetap di-tempat² yang di-tentukan itu.

Yang kedua, Dato' Pengerusi, B. 24, Pechahan-kepala 4—Kumpulan Wang Perkhidmatan Masharakat dan Kebajikan, anggaran belanjawan-nya \$12 million: apa yang saya harapkan pada Kementerian ini atau Kerajaan supaya dapat menghulorkan atas kadar yang boleh kepada Kerajaan Vietnam Selatan berhubung dengan mangsa pencherobohan Vietcong dan kominis yang mana ra'ayat di-tempat itu telah kehilangan rumah tangga, kurang makanan dan orang² sakit yang men-churah² pada tiap² hari. Kalau kita

boleh memberikan bantuan ini kepada Kerajaan India waktu di-cherobohi oleh China Kominis, maka ini juga saya fikir patut kita bagikan kepada Kerajaan Vietnam Selatan ini.

Dalam B. 25, Tuan Pengerusi, ia-itu Kastam. Kastam ini saya hendak menarek perhatian kenapa jawatan ini maseh tinggal dalam Timbalan Pengawal Kastam, tidak di-beri jawatan penoh. Ada-kah sampai bila jawatan ini baharu hendak di-penohi?

Sa-lain daripada itu saya ada tiga perkara saya hendak memberikan pandangan berhubung dengan Kastam ini, ia-itu kejadian² ini ada-lah menyusahkan ra'ayat dan juga boleh merugikan kewangan negara. Yang pertama, saya minta pehak Kastam memerhatikan ada kumpulan² dalam negeri ini yang memasokkan chandu dan ganja dalam makanan² seperti kari, kopi tujuan dan maksud-nya supaya makanan-nya laris di-makan oleh manusia.

Yang kedua, kumpulan menjual samsu yang haram. Samsu haram ini di-jual bukan sahaja di-pekan² kechil, termasuk pekan besar di-Kuala Lumpur ini seperti yang terjadi di-Bungsar, di-Sentul, dan beberapa tempat lagi—dan satu tempat lagi di-Seremban. Di-Seremban ini telah mengakibatkan 8 orang daripada-nya telah maut berpuncha daripada minuman samsu jualan chara haram ini.

Yang ketiga, kumpulan manusia mengambil nira kelapa di-jadikan tuak. Ini juga di-jual chara haram. Dalam Dewan ini juga saya telah mengemukakan soal yang sa-umpama ini berhubung dengan tuak; Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menjawab bahawa ini ada-lah soal Negeri, tetapi oleh sebab kita menengok ra'ayat dalam negeri ini banyak yang maut dan banyak pergadohan berpuncha daripada tuak ini, tuak ini dahulu di-sukai, atau di-gemari oleh masharakat orang² India, pada masa sekarang orang Melayu, orang China pun suka minum tuak, jadi dengan itu saya menganjorkan kepada Kerajaan supaya berunding dengan Kerajaan Negeri; atas rundingan ini dapat chari satu jalan supaya kedai² tuak yang ada dalam negeri kita ini kita

hapuskan, maka sumber hendak men-chari wang untuk menutup kekurangan wang itu. Saya harap supaya dapat Kerajaan memikirkan dalam negeri kita ini di-dirikan sa-buah kilang tuak dan tuak ini di-masokkan dalam tin, kita boleh jual biasa, tidak payah kita jual di-kedai² lagi. Ini akan mengurangkan apa² yang telah saya chakapkan baharu sa-bentar tadi.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, B. 27, ia-itu Jabatan Hasil Dalam Negeri. Perkara ini juga satu sungutan yang terjadi kapada ra'ayat kita di-Malaysia ini berhubung dengan ber-bedza pengenaan chukai kapada ra'ayat, kadang² ra'ayat bersungut kenapa bagi pehak negeri ini di-kenakan chukai, dan negeri ini di-kechualikan chukai yang sa-umpama itu. Chukai yang saya hendak katakan ini, Tuan Pengerusi, ia-lah chukai basikal. Umpama-nya di-negeri kami, negeri Johor, tiap² tahun ra'ayat di-sana kena bayar chukai satu tahun \$2.00. Ada Negeri yang menge-chualikan chukai basikal ini. Walau pun hal ini ada-lah masalah Kerajaan Negeri, tetapi kita sa-bagai pendudok sa-buah negara dalam Malaysia, kita patut harga² sungutan² yang di-datangi oleh ra'ayat dalam masalah ini. Kalau boleh satu masa di-adakan perundingan juga dengan Kerajaan Negeri bagi menyamakan chukai² basikal ini, atau pun kita hapuskan terus dengan kita kenakan chukai basikal ini waktu bila tuan punya basikal itu membeli basikal-nya.

Sa-lain daripada itu satu perkara yang saya nampak kalau boleh di-fikir-kan dan di-timbangan menjadikan sumber kewangan hasil negeri kita sa-lain daripada chukai basikal yang saya katakan tadi, sebab basikal ini di-gunakan oleh ra'ayat pada jalan² raya, juga sa-bagaimana motokar dan motosi-kal, jadi hal yang macham ini Kerajaan Pusat juga kalau boleh dapat sedikit sa-banyak hasil dari pada chukai basikal sa-bagaimana yang di-ambil oleh sa-tengah² Negeri itu.

Di-hantar sumber hasil negara yang boleh di-ambil daripada ra'ayat dan perkara ini sekarang memang di-guna-kan oleh ra'ayat dan mendatangkan hasil dan faedah kapada diri orang yang

menggunakan perkara ini, ia-itu peti sejok. Kalau talivishen kita kenakan chukai, radio kita kenakan chukai, orang yang menggunakan peti sejok ini juga patut kita timbang dan kita fikir untuk di-kenakan chukai kapada mereka itu. Orang yang menggunakan peti sejok ini ia-lah orang² kaya, dan kalau di-bandar² kecil mereka guna-kan peti sejok ini di-ambil ayer batu itu di-jual-nya jadi hasil daripada peti sejok. Saya memikirkan peti sejok ini juga satu perkara yang patut di-kena-kan chukai pada masa yang akan datang. Itu sahaja-lah, Tuan Pengerusi, saya menyokong Anggaran Perbelan-jaan yang di-minta oleh Yang Berhor-mat Menteri Kewangan.

Tuan Tan Cheng Bee (Bagan) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I would like to support this provision of \$125,229,002 for the Ministry of Finance, the Customs and Excise Department, and all the other Departments under the portfolio of the Minister of Finance. In supporting, I would like also to make a few comments in respect of Head B. 26, Kastam and Eksais Di-Raja. Sir, a circular has recently been sent to all local soap manufacturers by the Customs and Excise Department requesting them to pay a tax of one per cent on the hard soap manufactured in their small factories. Sir, the soap manu-facturers are local residents who supply the kampong and rural folks with cheap washing soap and they have been in this type of business since many, many years ago before Merdeka. Sir, it has been Government's policy to encourage cottage industries and one can also classify this local soap manufacture as a sort of cottage industry, producing cheap soap to meet the demands of the people in the kampongs. I agree, Sir, that the Government must look after the entrepreneurs who bring in capital to industrialise our country, like the Lever Brothers and such big soap factories, and to give their products all the protection necessary for them to run their large factories with profit. But, Sir, we must also look after our local residents who do not have such large capital to start large factories and who have been, since years gone by, the source of supply to the needy local

residents. I am told that there are only about 100 such licensees in the whole of Malaysia and each of these licensees can only manufacture about 1,000 lbs or 1,200 lbs of soap per month. Besides these Customs duties on hard soap and the difficulties involved in keeping the accounts on these soap manufactured by them, the licensees have to pay a licence fee of \$2,400 per year, which works out at \$200 per mensem; and I do not think, Sir, that these local manufacturers of soap, with their petty business, would be able to carry on their business for long if the Government do not help them. I appeal to the Honourable Minister of Finance to consider their plight sympathetically and to waive this Customs duty on hard soap manufactured locally and at the same time reduce their licence fee so as to make it possible for these poor petty manufacturers to make a decent living for themselves, their dependants and also their employees. Thank you.

Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Majid (Kuala Langat): Dato' Pengerusi, saya suka menyentoh dalam B. 22—Perbendaharaan. Saya suka mengambil perhatian di-dalam Perbendaharaan ini dalam segi wang² kertas yang telah di-keluarkan dan yang telah di-kelilingkan di-seluruh Malaysia ini yang mana kita terdapat banyak ukiran², gambaran² yang telah di-ukir dan yang telah di-tulis di-dalam wang² kertas itu, sa-bagaimana pada persidangan Meshuarat Dewan yang lalu yang telah di-suarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara, kalau tidak salah saya, maka di-sini bagi pihak saya pula telah terdapat lebeh daripada itu ukiran², tetapi ada-lah tulisan², ajaran² daripada Mao-nya sendiri. Ini ada-lah menjadi satu masalaah sabversif yang di-jalankan dengan sa-chara tidak langsung kepada keseluruhan ra'ayat di-dalam negeri ini. Ada-lah ajaran² ini di-tulis di-dalam wang kertas itu merupakan sa-bagai tulisan² China yang berma'ana ajaran² Mao dan arahan² daripada Gerakan² Pemuda Merah daripada negeri China. Saya telah dapat empat keping wang kertas ini dan saya telah sampaikan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada tempoh hari, tetapi sa-hingga hari

ini wang kertas itu maseh berjalan juga lagi dan ini saya berharap kalau dapat dengan sa-berapa chepat yang mungkin ambil tindakan pantas supaya jangan boleh di-gunakan lagi wang yang telah di-chonteng² itu oleh keseluruhan ra'ayat di-dalam negara kita. Ini dapat-lah di-jalankan supaya menyekat wang yang kena chonteng sa-umpama itu tidak laku ka-semua sa-kali di-dalam negara ini supaya ajaran itu dapat di-sekat terus-menerus.

Sekarang saya beraleh kepada Kepala B. 25, muka 276, berkenaan dengan Kastam. Dato' Pengerusi, di-dalam pendapat saya sumber² kewangan yang kita perolehi di-dalam negeri Malaysia ini boleh-lah di-katakan tujuh perlatan daripada sumber² ini ada-lah daya dan usaha daripada Jabatan Kastam. Jadi, saya rasa kalau-lah kita benar² ingin memerhatikan bahawa rasuah ini dapat kita sa-kurang²-nya di-kurangkan, maka hendak-lah kita mengambil perhatian penoh di-dalam Jabatan Kastam ini supaya tangga gaji-nya di-kaji sa-mula. Oleh yang demikian, Dato' Pengerusi, kita akan dapat mengurangkan segala rasuah² yang tidak senang hati kita lihat dan yang kita dengar pada hari ini. Saya tahu sumber² yang telah berjalan daya usaha Kerajaan untuk menaikkan dan mengkaji sa-mula gaji² Pegawai Kastam ini lebeh² lagi peringkat bawah-nya, tetapi ada pula pehak² daripada yang berkenaan chuba menyekat dan menahan kemahuan daya usaha dan kehendak² Kerajaan menimbang kembali tangga gaji Pegawai² Kastam yang ada pada hari ini.

Yang kedua-nya, Dato' Pengerusi, pada muka 280, Pechahan-kepala 7 dan 17 berkenaan dengan Pakaian. Jika kita lihat, Dato' Pengerusi, pakaian Kastam kita pada hari ini, saya rasa di-waktu saya kechil² dahulu pakaian-nya begitu juga sa-rupa, tidak ada ubah, ada pun yang berubah barangkali sadikit² sahaja. Apa yang saya hendak bawa perhatian kepada pehak yang berkenaan, ia-itu sa-bagai pegawai yang bertanggung-jawab menchari hasil negara kita sama ada chukai masuk mahu pun chukai keluar, maka di-sini-lah letak-nya maruah pegawai² itu.

Kalau-lah pakaian seragam-nya tidak begitu menarek, tidak begitu endah, tidak begitu di-hormati, saya rasa pegawai² ini maseh di-ketepikan juga oleh orang² ramai. Oleh yang demikian saya mengshorkan bagi pehak yang berkenaan supaya mengulang kaji, diperbaiki dan di-perendahkan dengan Mahkota² Kerajaan di-hadapan songkok-nya supaya segan orang yang melihat mereka menchari dan memereksa barang² yang patut di-kenakan chukai, maka ini boleh di-katakan satu Jabatan Kerajaan yang patut di-segani oleh keseluruhan ra'ayat di-dalam negara ini.

Lagi satu berkenaan Kastam, saya terlupa, Dato' Pengerusi, saya suka juga menyentuh di-dalam soal pentadbiran yang kita dapat di-hari ini bagi Pegawai² Kastam ia-lah kebanyakan di-pelabohan² dan di-permukaan² ayer yang tertentu sahaja. Saya suka mengshorkan di-sini supaya pegawai² dan Jabatan² Kastam patut di-adakan di-tiap² daerah yang berhampiran atau pun di-kawasan² di-pantai² di-mana juga ada pantai, maka daerah² itu patut-lah di-adakan pegawai dan Jabatan Kastam sama sa-kali. Kerana di-sini-lah banyak berlaku-nya sama ada penyeludupan², sama ada membuat samsu haram, mengeluarkan todi haram, maka ini-lah tempat-nya, Dato' Pengerusi, jika ada pegawai² sa-umpama itu maka pegawai² ini dapat-lah bekerjasama dengan Pegawai² Daerah, Jabatan Polis dan lain² juga. Dato' Pengerusi, di-dalam perkara ini di-tempat saya sendiri ia-itu satu daerah sudah di-taksirkan dalam sa-tahun oleh pelarian chukai ini sama ada chukai todi dan samsu haram ini di-dapati lebeh kurang hampir² \$60,000. Jadi, keadaan ini kalau satu daerah boleh lari sa-bagitu banyak, kalau ada 10 daerah di-tepi pantai, kali dengan 10 yang berjumlah sa-tengah million ringgit lebeh, Dato' Pengerusi. Jadi inilah shor saya kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat di-timbangkan dan di-kaji sa-halus²-nya supaya dapat kita perbaiki keadaan itu.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Johor Bahru Timor):
Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya

mengambil kesempatan bangun untuk memberi sokongan mengenai dengan wang peruntukan Perbekalan kepada Kementerian yang berkenaan. Disamping itu saya juga menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada Kementerian yang berkenaan yang telah berjaya melaksanakan Kementerian-nya untuk kepentingan negara bagaimana yang kita tahu, ia-itu di-dalam zaman perlumbaan di-dalam segala bidang kemajuan yang mana kalau tidak di-sungguh²kan tugas mempertegakkan ekonomi, maka kita juga yang akan kechewa melihat negara kita tertinggal jauh ka-belakang di-dalam senarai negara yang telah maju. Oleh itu tidak boleh di-hairankan kalau Kementerian Kewangan telah terpaksa menggunakan segala daya usaha untuk mengatasi masalah kewangan sa-kali pun berkali² beliau menerima kechaman yang di-lemparkan kepada-nya dengan sebab menaikkan chukai itu dan chukai ini, tetapi kalau sudah dengan chara itu terpaksa di-ambil demi kepentingan mempertahankan ekonomi negara, maka menjadi kewajipan-lah pula kepada ra'ayat memberikan kerjasama yang penoh bagi melaksanakan chukai² yang naik turun dari masa ka-semasa. Tetapi, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, yang mendukachitakan pula di-dalam hal ini bukan-lah masaalah kenaikan chukai itu yang di-takuti oleh ra'ayat, sebab chukai² yang di-naikkan itu tidak-lah di-kenakan kepada semua jenis² barang² keperluan hidup sa-hari², namun demikian ra'ayat tidak juga akan terlepas daripada tekanan iktisad rumah tangga, kerana kenaikan harga barang² akan meliputi kepada segala bahan yang di-perlukan oleh ra'ayat, tidak kira sama ada barang² itu di-naikkan chukai-nya, atau pun tidak.

Umpama-nya apabila chukai petrol di-naikkan, maka manakala chukai jenis² kenderaan dan lesen dan sa-bagai-nya di-naikkan, maka penyewa² menaikkan pula tambang kereta-nya dan pekedai² pula akan menaikkan semua harga² jualan² dengan alasan tambang lori, atau tambang motor boat yang membawa barang² pekedai² telah naik mahal. Dengan keadaan yang demikian ini pekedai² juga yang berkesempatan menanggok di-tepi ayer

yang keroh. Mereka-lah juga yang berpeluang membuat keuntungan pada hal barang² yang di-kenakan cukai hanya satu dua macham sahaja, tetapi ra'ayat yang telah membeli kena membayar kepada keseluruhan bahan² keperluan hidup-nya itu, menurut sa-suka hati mereka. Jadi pada fahaman saya ada lebih baik bagi pehak Kementerian ini menaikkan cukai kepada semua harga² barang² tetapi sedikit dengan tidak terasa oleh ra'ayat yang mana dengan sebab kenaikan ini mendatangkan faedah kepada Kerajaan tidak seperti chara yang ada sekarang Kerajaan hanya mendapat faedah dari satu dua jenis barang² yang di-naikkan tetapi pehak peniaga² telah mendapat keuntungan seluruh-nya.

Jadi maksud saya kalau pun ra'ayat menderita dengan sebab kenaikan harga barang² itu tetapi pengorbanan ada-lah mendatangkan faedah kepada Kerajaan bukan kepada peniaga².

Satu lagi, Tuan Pengerusi, ia-lah mengenai dengan cukai juga. Saya suka memberi pandangan kepada pehak Kementerian ini supaya walau pun perkara ini telah di-chakapkan oleh rakan² saya tadi, ia-itu supaya pehak Kerajaan menguatkan lagi kawalan di-sepanjang pantai Selat Tebrau Johor Bahru khas-nya dan juga seluruh Malaysia, kerana saya telah di-fahamkan bahawa kawalan di-sepanjang pantai Selat Tebrau juga di-kawasan² yang lain, tidak begitu erat di-kawal, harus rasa saya, boleh jadi di-sebabkan kekurangan tenaga kakitangan kastam. Kalau di-sebabkan kekurangan tenaga patut Kementerian yang berkenaan kakitangan Kastam ini menambahkan lagi kerana bagaimana kita tahu bahawa sa-nya Kerajaan perlu dan mustahak berkehendakkan pada hasil² yang datang daripada luar negeri, kerana menambahkan hasil negara. Tetapi apa yang saya faham bahawa sa-nya penyeludupan² telah masuk melarikan cukai dengan melalui pantai² yang tersebut sa-lain daripada di-sebabkan kekurangan pengawal² menjaga kastam yang ada berkawal di-situ. Tetapi yang mendukachitakan kita ada sa-bahagian daripada-nya pula alat² negara yang berkawal di-atas darat telah sengaja

membuat tidak nampak, atau sa-olah² tidak ada apa² perkara yang berlaku di-situ.

Keadaan yang sa-rupa ini sudah tentu tidak sa-harus-nya di-biarkan bermaharajalela, kerana bukan sahaja merugikan pehak Kerajaan namun perbuatan rasuah nampak-nya tidak langsung menghiraukan tindakan Kerajaan. Yang demikian saya harap sa-muga pehak yang berkenaan akan segera mengambil langkah tegas menchegeh kejadian yang sa-rupa itu yang di-lakukan terus-menerus oleh sa-bahagian daripada alat negara yang di-amanahkan menjaga keselamatan negara oleh pehak Kerajaan.

Tuan Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan sedikit mengalu²kan peruntukan perbelanjaan dalam Kementerian Kewangan dan menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada Kementerian ini yang dapat menjaga dan mengawal usaha² dalam jabatan masing² yang menimbulkan hasil dalam negeri sa-tahun demi sa-tahun telah bertambah dan maju. Ini-lah jabatan yang kita harapkan akan dapat menambahkan lagi usaha² untuk mencapai berbagai² kemajuan dalam negara kita pada masa yang ka-hadapan.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentoh sedikit sahaja berkenaan dengan Jabatan Kastam di-Raja. Sebagai Wakil Ra'ayat kawasan yang berhampiran dengan negeri Thai di-utara Malaysia, saya mengambil kesempatan menguchapkan sa-tinggi² tahniah dan terima kaseh melalui Dewan yang mulia ini, kerana usaha² yang bersungguh² dan giat daripada pasokan pegawai² dan kaki-tangan Kastam di-Raja yang mengawal sempadan dari kemasokan barang² daripada negeri Thai ka-negeri Perlis dan di-seluruh Malaysia. Padang Besar ada-lah sama juga dengan daerah² yang lain di-seluruh Malaysia, daerah² perenggan, sa-bagaimana yang telah di-suarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru Timor tadi, kemasokan barang² daripada Singapura, begitu juga bagi negeri Kelantan, Rantau Panjang, kemasokan barang² daripada Thai

ka-negeri Kelantan, begitu juga-lah seterusnya di-sempadan daerah di-Malaysia Timor.

Padang Besar merupakan satu kawasan yang susah hendak di-tentukan sempadan-nya, kerana kalau kita katakan di-Pulau Pinang dapat kita tahu daerah perayeran-nya, tetapi di-Padang Besar tidak dapat kita tentukan satu urat benang pun mana dia sempadan-nya yang sa-benar²-nya, kerana urusan menentukan sempadan oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thai maseh samar² dan ragu² dan perundingan berhubung dengan kedudukan sempadan yang sa-benar-nya tidak-lah langsung di-rundingkan.

Jadi dengan yang demikian banyak kawasan², daerah² tanah kepunyaan Malaysia ada sedikit sa-banyak yang telah di-dirikan bangunan² pasar minggu dan sa-bagai-nya dan begitu juga barangkali ada barang² daripada Malaysia sendiri, umpama kawasan² perkayuan daripada Malaysia sendiri yang di-usahakan dengan tidak chara langsung oleh pihak negara yang lain. Begitu juga sa-balek-nya pihak di-Malaysia ada kadang² tempat-nya yang terpaksa usaha di-sabelah pihak Thai. Jadi usaha² ini kalau sa-kira-nya tidak di-rundingkan daripada sekarang tentulah sa-kali mendatangkan satu masaalah yang rumit berhubung dengan sempadan dan juga berhubung dengan hendak mengawal, mengawasi segala barang² masuk dan keluar. Oleh sebab apa yang saya katakan tadi ia-itu kawasan Padang Besar, kawasan yang susah hendak di-tentukan kedudukan sempadan-nya, maka memang-lah sudah di-ketahui dalam kawasan itu banyak penyeludupan² masuk dan keluar; penyeludupan barang² makanan, binatang², barang² pakaian dan juga tidak kurang penyeludupan berhubung dengan barang² seperti chandu, dan ada kedapatan penyeludupan berhubung dengan barang daripada senjata² api, peluru² dan pistol². Jadi oleh sebab memandang keadaan ini, saya rasa patut-lah pihak yang berkenaan, memberi kelengkapan yang sa-chukup²-nya bagi Pegawai² Kastam dan pasukan² pengawal pada waktu malam terutama sa-kali supaya dapat mereka itu meng-

awasi betul² kedudukan-nya, umpama-nya kalau sa-kira-nya jadi tangkapan penyeludup² chandu umpama-nya, mereka bukan sahaja membawa barang² ini dengan tangan kosong dengan begitu sahaja, tetapi mereka berani mati, kerana hendak menyelamatkan barang² mereka itu.

Barangkali saya rasa ada membawa senjata² api bersama² dengan barang yang mereka bawa itu. Jadi kalau sa-kira-nya serbuan itu tidak kena pada tempat-nya tentu sa-kali pegawai itu sendiri akan menerima bahaya yang besar, boleh jadi menimpa maut. Jadi dengan sebab itu-lah saya rasa kelengkapan² dan alat bukan sahaja kelengkapan berhubung dengan memberi senjata api atau pun alat² sa-lengkap-nya, tetapi alat² yang lain yang dapat di-berikan pertolongan chemas pada sa-tiap masa waktu berlaku-nya ke-chemasan sa-bagaimana yang saya katakan tadi. Bukan sahaja saya berchakap berhubung dengan masaalah di-Padang Besar ini sahaja, tetapi masaalah² di-tempat² yang lain juga perlu di-kaji umpama-nya di-Rantau Panjang dan daerah² lain yang sempadan-nya melalui daratan, bukan melalui lautan yang agak-nya chukup merbahayakan bagi pegawai² yang akan bertugas itu.

Saya rasa sa-lain daripada kelengkapan² yang saya katakan tadi, perlu juga bagi pihak Kerajaan kita, Kerajaan Malaysia, Jabatan Kastam mengadakan satu rundingan dengan pihak negara yang berhampiran, yang bersempadan supaya dapat kita mengawali sedikit sa-banyak keadaan sempadan, hal ehwal chukai, dan hal ehwal keselamatan dalam negeri masing². Bukan sahaja kita berunding berhubung dengan Filipina, berhubung dengan hal penyeludupan dari Malaysia ka-Filipina, tetapi juga masaalah barang² penyeludupan juga banyak berlaku dan lebih banyak berlaku antara negeri Thai dengan Malaysia kita ini, kerana kita tahu bukan sahaja barang² daripada Thai yang masuk menerusi Malaysia ini, tetapi barang² daripada negara lain, negara komunis juga biasa di-seludupkan ka-dalam negeri Thai dan daripada melalui negeri Thai masuk ka-Malaysia dengan kita tidak

sedari. Dalil-nya pada masa konfrantasi Indonesia dengan Malaysia dahulu kita dapati, umpama-nya saya beri satu mithal, kain batek. Kain batek oleh sebab kita konfrantasi tidak boleh bawa masuk kain batek dari Indonesia ka-Malaysia, tetapi dengan melalui negeri Siam, dapat kain batek itu di-chap dengan kertas chap trade mark yang lain, maka kain batek Indonesia (Batek Bandong) itu juga sampai ka-Malaysia melalui sempadan² apa yang saya katakan tadi. Begitu juga-lah bandingan dengan barang² yang lain dalam negara² kominis yang kita tidak benarkan bawa masuk melalui Pejabat Kastam, tetapi dapat di-seludupkan menerusi jalan² yang saya katakan tadi.

Jadi hal ini, saya rasa kalau kita tidak kawali, bukan sahaja merugikan ekonomi sa-belah pehak Malaysia, tetapi juga akan di-derita sama oleh pehak Thailand. Jadi dengan sebab itu-lah saya katakan tadi, satu perundingan yang segera perlu di-adakan supaya dapat mengatasi kesulitan², pengawalan, pengawasan berhubung dengan masaalah Kastam, masaalah chukai, di-samping menjaga keselamatan negeri masing², kerana saya dapat tahu, ini bukan sahaja soal penyeludupan, tetapi yang saya hendak soal keselamatan dalam negeri kita. Sabagaimana yang kita tahu bahawa pehak keselamatan dalam negeri kita susah hendak kawal, walau pun telah mengadakan perundingan antara Malaysia dengan Thailand bagi menjaga kawasan sempadan, tetapi oleh sebab negeri Thai tidak ada Kad Pengenalan, tidak ada pengenalan yang chukup bagi mengenalkan mana satu kominis, mana satu penjahat, mana satu perompak dan sa-bagai-nya, maka dengan sebab itu susah kita hendak kawal. Kadang² gurila² itu masuk ka-dalam hutan, kadang² menjadi penyeludup² membawa barang², menukarkan barang² haram umpama-nya chandu² dengan barang² makanan untuk kepentingan mereka itu sendiri. Hal ini tidak dapat kita kawal, tidak dapat kita pegang, kerana dia menjadi orang 'awam di-dalam kawasan² yang tersebut itu, sebab itu-lah kita dapati di-Padang Besar umpama-nya, di-Rantau Panjang umpama-nya, di-kawasan² yang lain tidak

ada pergadohan, kerana di-situ-lah tempat sumber makanan yang mereka dapati, dia tukarkan barang² seludupan mereka itu dengan barang² makanan atau pun di-tukarkan dengan chandu, dengan peluru umpama-nya; chandu dengan senjata² yang lain. Jadi dengan sebab itu-lah saya berharap segala perundingan dalam berbagai² aspek kemajuan bukan sahaja berhubung dengan Kastam, tetapi juga berhubung dengan hal keselamatan dalam negeri, untuk menjaga kedudukan ekonomi kita dengan lebih tinggi lagi.

Tuan Pengerusi, saya suka hendak sebutkan sedikit lagi soal perundingan yang saya katakan tadi, saya terlupa hendak sebut bahawa sa-lain daripada perundingan berhubung dengan hendak mengawal barang² masuk dan keluar dengan tidak berchukai tadi, saya rasa beberapa perkara yang lain perlu di-kaji, ia-itu berhubung dengan bahan² makanan. Beberapa tahun yang lalu Padang Besar telah di-benarkan membawa masuk barang² makanan terutama sa-kali beras, tetapi oleh sebab kawasan Padang Besar, Rantau Panjang dan kawasan² lain telah di-ishtiharkan sa-bagai kawasan penyeludupan, kawasan smuggling, maka dengan sebab itu-lah pehak Kerajaan kita tidak membenarkan lagi membawa masuk, mengimpot barang² seperti itu dari Padang Besar, Kuala Perlis dan lain² daerah yang di-sebutkan kawasan smuggling tadi. Di-dalam soalan ini, Dato' Pengerusi, saya suka hendak mema'alumkan bahawa penduduk² Padang Besar sa-benar-nya tidak makan langsung beras daripada Malaysia kita sendiri. Jadi mahu tidak mahu, terpaksa makan beras² daripada negeri Thai, kerana pertama sa-kali murah, barangkali dekat dan berbagai² sebab lagi. Sebab yang mereka itu membeli beras daripada negeri Thailand ia-lah kawasan itu sa-bagai mana yang saya katakan tadi kawasan smuggling, tidak ada langsung pun ejen² menjual beras Malaysia kita ini di-Padang Besar. Jadi Padang Besar dengan Kangar jauh-nya 22 batu, ada lebih baik kita pergi ka-negeri Thai yang jauh-nya tiga suku batu sahaja daripada pergi membeli 22 batu di-Kangar ini. Jadi dengan sebab itu-lah

saya shorkan kepada Kerajaan pehak yang berkenaan supaya menimbangkan satu ejen, ia-itu satu lesen bagi membenarkan orang² di-Malaysia khas-nya orang² di-Padang Besar menjual barang² runchit ini kepada penduduk² di-Padang Besar, penduduk² yang ada di-daerah² di-sakitar-nya yang kebanyakan tidak bekerja bendang, tetapi bekerja kebun getah dan sa-bagai-nya.

Jadi, itu-lah rayuan saya, Dato' Pengerusi, saya minta-lah supaya pehak yang berkenaan mengambil tindakan dan sa-kali lagi saya mengambil kesempatan menguchapkan terima kaseh.

Dr Ng Kam Poh: Mr Chairman, Sir, I did not realise with taxation being so low this year that so many Members would want to speak on the Ministry of Finance during the Committee Stage. However, perhaps, it is a compliment to the Minister of Finance that the people are more interested in taxation, and they have suggested ways and means whereby we can raise more taxes.

Many Honourable Members of Parliament spoke on the tax on taxis and they did ask the Minister of Finance to waive this tax on the licences of taxis. Perhaps, they did not read what has been said in the Budget speech. I would like to remind them again and read for them the relevant portion, if you allow me, Sir:

"Tax on taxis—In West Malaysia at present, the total tax burden on diesel taxis is lighter than that on diesel school taxis and private diesel passenger cars. This is clearly unfair to the latter. To rectify the anomaly, it is proposed to increase the vehicle licence fee for ordinary diesel taxis from twenty cents to forty cents per c.c."

Mr Chairman, Sir, surely Honourable Members of this House who supported the rescinding of this tax on taxis should know that if a passenger car can pay that amount and not make money out of it, surely people who are using taxis and making money out of them can pay the equivalent tax on diesel passenger cars or equivalent tax on school taxis. That is my point of view.

The Honourable Member for Kuala Kangsar has said, and also the

Honourable Member for Batu has said, that the taxi driver earns only about \$5.60 a day. He may be right; he may be wrong—I do not want to argue on that point. But if that is so, I would ask the various Honourable Members that if it is not lucrative at all to have taxis and they earn only \$5.60 a day, why then are there so many applicants to the Ministry of Transport for taxi licences? In my constituency alone, as far as I know, there are a few hundreds in the waiting list. If it is not lucrative and they would not be applying for taxi licences and there would not be such a waiting list. I can assure the Honourable Member who says that such a man earns only \$5.60 a day, if that person thinks it is not lucrative, perhaps, he will be willing to give up his taxi licence to somebody else who thinks it is more lucrative.

Dr Tan Chee Khoon: Is the Honourable Assistant Minister of Finance aware that most taxi drivers do not own the licence or own the taxi itself? They work for an absentee owner and whatever taxes that are heaped by the Treasury, are passed on by the owner to the taxi driver. Unfortunately, in this country the taxi drivers themselves do not (a) own the licence, (b) own the taxi.

Dr Ng Kam Poh: Mr Chairman, Sir, each and every Member of this House knows that what the Honourable Member for Batu says is partly true, but the policy of the Government is to encourage owner-driver taxis. So, the question of a driver being a paid employee of a firm is partly true and partly correct. However, this does not apply to all taxi drivers.

Again on the question of the unequal distribution of tax being levied on rural and town areas, as brought up by the Member for Larut Utara, and also by several other Members, I fail to see the difficulty in the rural and town areas. If you look around in Kuala Lumpur alone, you will notice that there are many taxis from the rural areas plying in town and earning their living in town whereas they should be earning their living in the rural areas. How are we to differentiate between

one who has committed an offence and one who has not? That is the issue in question.

The Honourable Member for Larut Utara has also said that diesel has been sold to private cars or taxis illegally through diesel being obtained from mines. I would like to explain to the Honourable Member for Larut Utara how we grant this exemption for diesel to the people from the mines. First and foremost, they have to pay the complete tax on all diesel that they use in the mines, subject to examination of their figures later on, when they get back a refund from the Treasury. So, as you see, Mr Chairman, Sir, the selling of diesel oil of the mines will be rather negligible. However, if the Honourable Member for Larut Utara thinks that this is an abuse of the exemption given to these tin mines. I would be happy to get some information from him as to where this diesel oil is being sold to—either taxis or private cars. If he can give me a list of the places, I shall only be too happy to take action against them.

The Honourable Member for Larut Utara also said that we should licence opium sales in order to obtain income from the sale of opium as in the colonial days. Mr Chairman, Sir, are we going back to the old colonial days, or are we an independent nation? The sale of *chandu*, of course, cannot be legalised in this country because Malaysia has inherited most of the Agreements made by the British Government and agreed to in the Geneva Convention, which ban the sale of drugs—and *chandu* is one of the drugs which has been agreed to be banned. Therefore, we cannot agree to legalising the sale of opium and other drugs, even though there is some amount of smuggling from this region. With education and with progressive methods in anti-smuggling, the question of smuggling of opium will in future be negligible or non-existent, if you like, because people who are educated will not smoke opium.

On the question of Customs overtime, we do not impose overtime at Johore Bahru or anywhere else for the

Customs, but the Customs staff are paid an allowance of some sort, but this overtime is not being sought by us but sought by the commercial section of this country. Overtime is given at the request of the business community and not as an avenue for extra income to the staff of the Royal Customs and Excise Department. The hours of work of a Customs officer has already been laid down in the Customs Regulations. Any extra work necessary may only be done if a member of the business community requests for such overtime. So, you see, Mr Chairman, Sir, this overtime payment is being requested by the business community and the Ministry of Finance has agreed to their suggestion, in which case it helps them quite a bit, because they would like to get the flow of goods through regularly.

As for the question of Crown Agents' Services on which we spent about \$400,000, shall we say this is a necessary evil? Mr Chairman, Sir, we do not have the know-how or the technical expertise in this country yet. Supposing we want to buy locomotives, say, from Japan, we have not the expertise here to know whether the specifications which we want are correctly done in Japan unless we open an office in Japan. So, the Crown Agents, who have agents all over the world, are the ones who submit reports to us. That is why I say that it is, perhaps, a necessary evil. Perhaps, one day when we have this necessary expertise, then we may not need the usage of the Crown Agents. At the present moment, I regret that we have to do so, even though we do not want to pay them this extra fee.

Tuan Tajudin bin Ali (Larut Utara): Tuan Pengerusi, hendak membeli alat tulis, da'awat dan sa-bagai-nya itu pun hendak pakai orang tengah juga?

Tuan Pengerusi: Tidak dengar, berchapak kuat sadikit.

Tuan Tajudin bin Ali: Tuan Pengerusi, membeli alat tulis, seperti pensil, da'awat dan sa-bagai-nya itu pun hendak pakai orang tengah juga, Crown Agents? Saya bersetuju menggunakan Crown Agents kalau

hendak beli jet, hendak beli roket, hendak beli kepala keretapi; tetapi saya tahu membeli pensil pun menerusi Crown Agents, ini maseh di-buat lagi.

Dr Ng Kam Poh: Buying of pencils, pens, da'awat and the rest is done by the commercial sector and not done through the Crown Agents, unless buying for the Government and the Government buys at the cheapest price through tender throughout the world, undoubtedly to some extent through using the Crown Agents as a medium. We are not buying from the Crown Agents—that is the difference.

Now, I come to the Honourable Member for Pulau Pinang Selatan. He says that we should consult the Ministry of Commerce and Industry before we impose a tax on anything at all. He said, for example in respect of tyres whereas, previously he had to pay \$47, but now he has to pay \$2 more, because we have raised an excise tax of \$2. Mr Chairman, Sir, perhaps, the Member for Pulau Pinang Selatan is not aware that all taxation must first be approved by the Government and the Cabinet and the Honourable Minister of Commerce and Industry is a Member of the Cabinet. So, I do not see why he was not consulted. The question of an excise tax of \$2 per tyre, as everyone knows, is because we do not get any more customs duty for the importation of tyres, and taxation in the future must shift from customs duty to excise duty as we industrialise. This is a matter of fact and it goes on in every nation, in every country in the world. If we lose customs duty, we must gain in excise duties.

Mr Chairman, Sir, he also spoke on the question of pensioners. I sympathise with them myself. However, he mentioned about somebody who is 87 and who draws only \$18 a month. "How can he live?", he asked. Mr Chairman, Sir, I believe that he must have some children, otherwise, he cannot possibly exist on \$18 a month. He must have children—perhaps at 87 even grand children and great grand children. Perhaps, this pensioner is being helped by his children, which is the duty of

all children who are obligated to their father. I agree, perhaps, we should review the question of pensioners' allowance. However, in the light of financial stringency at the present moment, perhaps, it is not opportune as yet.

The Member for Perlis Selatan has said that smuggling is rampant and we should strengthen our Customs Department and should have provisions for bigger sums of money for frontier forces. Mr Chairman, Sir, frontier forces, if we do have them, will be equivalent to Customs officers. Why have frontier forces if we can have Customs officers? Defence, we leave it to the Army. Frontier forces is something in between and we would rather have them as Customs officers. As every one knows, there is a certain amount of allocation given in the Budget for increasing the lower ranks of the Customs Departments, as I said in my speech just now, and we are trying to expand the Department. But I believe the question of smuggling has been very well pin pointed by the Member for Perlis Utara. The fact is that we have a very long border: border with Thailand, a border with Singapore and a border with Indonesia. This border is there, it exists, and there is nothing we can do about it. There are hidden paths and ways through which anything can be smuggled. This is not said by me—this is said by the Member for Perlis Utara himself, who knows, because he is on the spot—he lives in Perlis. He has spoken of Padang Besar whose residents have been eating the rice not from Malaysia but from Thailand. We are aware of that fact, and we are trying to strengthen our Customs Department. In fact, one senior Customs officer and four junior officers will be sent to Padang Besar in the very near future. We know where the fault lies, and we are trying our best to combat smuggling. We have even tried our best to increase the pay of the Customs officers, as suggested by the Honourable Member from Kuala Langat. We tried everything, but then for private gains, or private profit, because one area is cheaper than the other, it is more profitable to smuggle the goods from one

area to another. For example, smuggling rice and pigs from Thailand to Malaysia is very profitable; or smuggling textiles and other electronic goods from Singapore to Malaysia, we understand that—not to mention opium. We fully realise what is going on, but there must also be a certain amount of co-operation between Customs officers and the people of that district or that area around where smuggling goes on. The Customs officer can only take action when he has information. He cannot be the eyes and ears of the world, nor the eyes and ears of Malaysia. He cannot be present over 1,000 miles of the border around the Thai/Malaysia border, or the whole coast line of Singapore/Malaysia, or the few thousand miles between Indonesia and Malaysia. He can act only on information. That information must be forthcoming from the public.

Mr Chairman, Sir, we give rewards to the public to give that information to the Customs officers. Our Customs officers are loyal, they work hard, but if that information is not forthcoming, how can we expect them to work and get the necessary results? I assure this House that the Customs Department has been doing its best and also has been getting substantial revenue, increasing the revenue, and also increasing the number of cases caught in Malaysia, in West Malaysia in particular, and also in East Malaysia, month by month.

As to the question of Registrar of Societies having falsification of addresses, which was brought up by the Honourable Member for Perlis Selatan, I believe, giving false information of particulars is an offence and is punishable by a term of imprisonment not exceeding six months, or a fine not exceeding \$1,000 or both; and post office box numbers are not acceptable when they submit their business registration applications. I do not think the question of post office box numbers comes into being, and falsification, if caught, is a punishable offence. By and large I believe they have to display the licence in the premises before they are granted permission to do any business. So, Mr Chairman, Sir, if there is any

falsifying, if there is any sort of misdeeds of this sort being done, I shall be happy to learn from the Honourable Member for Perlis Selatan and if he will give me the relevant addresses I can take action on these people.

Mr Chairman, Sir, the Honourable Member for Kuala Kangsar also mentioned that the prices of spare parts have also risen, not only the question of tyres. We did not have any tax on spare parts, Mr Chairman, Sir, as far as I can remember. If the prices of spare parts have risen then the question is, I believe, either there is a shortage or, perhaps, people are making use of the devaluation to raise the prices. It is not the fault of the Government, but I believe that if competition is keen enough, whether in the business of spare parts or any other business, the prices will definitely fall.

The Honourable Member for Malacca Selatan has said that pensions given to the pensioners have been delayed, sometimes for one year, and also that the agents for postal services should be given extra pay. If there is any delay in pensions, I suggest that he should write to the Accountant-General or to me and I shall be only too glad to help him out. But I think these cases are few and far between. As for giving extra pay to the agents for the postal services, I am sure we would consider the situation, if we think that these agents for postal services require substantial increases of pay.

He suggested also that moneylenders' licence fee of \$125 be increased to \$2,000. I am not very sure whether this is a State or Federal matter. I think it is a State matter. However, I do not think that would abolish the question of somebody taking a loan of \$500 and signing for \$5,000 because, if we are going to raise his licence fee from \$125 to \$2,000, he is definitely going to take it from the person who is going to take a loan from him. That does not eradicate this problem at all. However, it is a good suggestion from the point of revenue.

On the question of lorry attendants who sleep and that we should have a licence for them, we will consider this

matter, if it is feasible. But I do not think that the poor lorry attendant is earning a very high pay and, if you impose a tax on him again, that tax will be passed on to the lorry. Then, you have the consumer goods rising again. This is a vicious circle business, Mr Chairman, Sir.

I next come to the Honourable Member for Batu, who is waiting so patiently for a reply. Mr Chairman, Sir, concerning the question of the 4.5 miles of road in Perak—he said a grant was paid by the Treasury and that it was taken for a ride—I believe an answer has been given to him and, if not, I suggest that he waits until Question Time when an answer would be given to him by the Honourable Minister of Finance. I would not like to interfere with the question at the present moment.

He says that we could control the malpractices of the many Ministries if Treasury is more careful. Mr Chairman, Sir, there are very many, many Ministries in the Government of Malaysia. When we come to the various appropriations to be given to them, we look through them very, very carefully. However, we are not experts and we cannot go through each and every departmental use whenever appropriation is given to a Ministry. Anything used by that Ministry, except under contract which will have to pass through the Ministry of Finance, the Minister concerned has the power to use that money and if he blames the Treasury for doing it, I do not know how—unless we have a gestapo system of going around the various Ministries and checking on the Ministers and the various officers concerned—the Treasury is going to proceed with its job.

As for the half a million dollars for expenses overseas this is necessary because many of the officers concerned have to go overseas for conferences. If the Minister has to go himself the Honourable Member for Batu will say that we are orbiting around the globe. So, we have got to send our officers and that also I suppose is not satisfying to the Honourable Member for Batu. He has said that there is a certain amount of public loss which he had

brought up previously during the debate on the Second Supplementary Supply Bill, 1967. I have given him a reply as to why there was such a public loss of \$260,000—unfortunately he was not here to listen; he ran away. I am very thankful to him today that he is here at least to listen to what I have to say. As far as the entertainment of \$31,000

Dr Tan Chee Khoon (*dengan izin*):

Is the Honourable Assistant Minister of Finance aware that if the Government is really sincere in keeping down such losses, then every year it should take a downward slide, but instead of which last year the provision, I believe, was \$43,000 and this year it is \$50,000. It has taken the wrong journey—instead of coming down, it is going up.

Dr Ng Kam Poh: Mr Chairman, Sir, how can I debate with somebody who did not want to listen to me the last time. I told him why we had to substantiate this loss; it was due to thefts, embezzlement and the like. He was not here to listen. Now, we have allocated a certain amount of money, this is only an estimate and not actually used. Mr Chairman, Sir, he will not even listen to logic—common sense. Must we say that this is a trend of rise—Even assuming that we put \$43,000 or even \$20,000—are we going to bluff ourselves? We are not, because we have got to come for supplementary supply if there is loss, and in which case the Honourable Member for Batu will say, “There you are, you are spending so much money”. He is trying to impress this country that this Government is extravagant and the like, which is not so. I have repeatedly told him that the Treasury has been very, very careful and very, very stringent in the spending of money.

Perhaps he is more interested now, I think, concerning the question of Transport and Travelling. He wants a detailed answer and I shall give him a detailed answer, Mr Chairman, Sir. The increase in Transport and Travelling in respect of Sub-head 25 from \$1,200 to \$12,000 is because of the new Valuation Branch in Sabah, which was set up in May 1967, and the provision of \$1,200 was to cover expenditure for

only eight months, whereas, the provision of \$12,000 is for the whole year of 1968. This amount includes the air fares of officers to be posted to Sabah from Malaya this year. Apart from this, the officers concerned have to do a lot of travelling to enable them to discharge their duties satisfactorily. For last year, I said eight months, and he will probably question me why \$1,200 for eight months and \$12,000 for one year, a discrepancy of only 4 months? Last year there was only one Valuation Officer. This year there are going to be four, and their duties are heavier. So, the Transport and Travelling head will incur much more expenses. I will clarify the situation before he stands up on a point of clarification again. Similarly, for Sub-head 28, for Transport and Travelling of officers of the Federal Treasury in Sarawak, the provision of \$6,000 was to cater for six months expenditure only in 1967, whereas the provision of \$12,000 is for the whole year of 1968.

With regard to Sub-head 10 of Head B. 23, the provision of \$500,000 is to cover expenses incurred for Malaysian delegations to attend essential conferences overseas which I have just mentioned. The estimates of expenditure of attending these conferences are scrutinised in detail by the Treasury before funds are released.

With regard to Head B. 12, Sub-head 13, this provision is to meet expenses incurred by senior Treasury officials for purposes of any official entertainment that may be necessary such as providing official hospitality for foreign dignitaries and returning official hospitalities which may be given to the officers concerned. Now, it looks very unimpressive on paper, but the fact is that we are having diplomatic relations with various countries, especially last year, when we agreed to the Anti-Smuggling Pact between Malaysia and the Philippines—their officials came over, our officials went over, they need a certain amount of money for entertainment expenses such as having a drink of coffee now and then, or sitting down to a little bit of *makan kecil*. This sort of thing is not extraordinary, because they give

entertainment to our officials when they go over there and we have to reciprocate when they come over here. That is the reason for the \$500,000. Whenever the Treasury spends this Money, I can assure this House that the Treasury scrutinises every item of expenditure.

As for Sub-head 34, Government Entertainment Expenses, the provision is to meet expenses incurred by Ministers, other than the Prime Minister and the Deputy Prime Minister, for entertaining foreign guests on behalf of the Government.

With regard to Head B. 27, Items (61) and (66), Cost of Living Allowance and Housing and Hotel Allowances, these show a big increase over the 1967 provision because of the amalgamation of the Malaysian Headquarters and West Malaysia Headquarters. There is no substantial increase really, as the estimates of the West Malaysia Headquarters and the Malaysian Headquarters were shown last year under separate Heads. In respect of Cost of Living Allowance, a sum of \$774,291 was provided for in 1967 for West Malaysia Headquarters, which is not shown in the 1968 estimates. If this sum were to be taken into account together with the provision of \$22,120 for the Malaysian Headquarters, then the net increase over the 1967 estimates is only \$60,265 which is a normal annual increase, because of the increase of staff. Similarly, with regard to Housing and Hotel Allowances, the provision for West Malaysia Headquarters was \$408,179 and that for Malaysian Headquarters was \$8,250. Therefore, the net increase over the 1967 provision is \$202,259. This increase is due to the additional staff to be recruited, in order to handle the increased volume of work arising from the new tax measures. So, you see, Mr Chairman, Sir, the allegations made by the Honourable Member for Batu are not really true. He just picks out one item and he blasts away without referring to the estimates of the previous year. He has got his headlines, I presume. The press listened to him—the Honourable Member for Batu has said such and such

a thing, castigated the Government for such and such a thing. The Honourable Member must come to the point, and he must be truthful of what he says. Before one says anything, one must get one's facts properly down before castigating the Government and especially the Treasury for doing things that are out of order. I am glad that he has agreed to give me a list of names of those selling these smuggled goods. I would not talk about them at the present moment, except that the sooner he sends it to me the better it will be for all concerned.

There were several questions from the Member for Muar Utara, who wants to know why we spend so much for rent for officers in West Malaysia and also in East Malaysia. Now, that is because we have no houses available. The cost of building houses is tremendous and I suppose we have to do it in a way that is phased out. That is why we have to spend so much money on rent. He would also like to have some social welfare services improved, and also sending some money to the Vietnamese refugees. Mr Chairman, Sir, this question should not be applied to the Treasury but should be applied to the Ministry of Foreign Affairs. I cannot answer this question, because it is not within the purview of my Ministry.

As for the question of legalising opium, I have answered that question. He touched on the question of illegal samsu and toddy. On the question of illegal samsu, Mr Chairman, Sir, we have been trying our best to arrest those selling illegal samsu. If the Honourable Member will remember, some time ago, we passed a Bill which changes the question of excise on the question of bottling of alcohol. This, perhaps, might help in many ways so that illicit samsu will not be sold so much in public. On the question of toddy, he wants us to close all the toddy shops all over the country. But, as I said before, it is a State affair, and he wants to have a single factory to produce toddy. Mr Chairman, Sir, I do not think that is feasible, because if you sell toddy from a shop or from

a liquor store—because this single manufacturer or producer of toddy is going to sell it somewhere and he must distribute his toddy to some of the liquor shops. It comes to the same thing, because they are drinking toddy too, they get drunk too, and they can fight too. Whether they sell it from a toddy shop, or sell it from any other shop, they still get drunk on toddy. So, what is the difference?

On the question of discrimination of bicycle tax, I think this is a local tax—maybe it is a municipal tax or a town council tax or a State tax, I do not know. I think it is a municipal tax. He suggests we should have this tax all over the country. Mr Chairman, Sir, if we tax all bicycles, then the Honourable Member for Batu and, I think, the Honourable Member for Muar Utara himself will be the first to shout that we are taxing the poor, because only the poor are using bicycles—I see the Honourable Member for Batu smiling because he is waiting for me to say “Yes” to this tax.

The Honourable Member for Bagan has said that the small manufacturers who manufacture local soap have to pay a licence fee of \$2,400. If he would write to us concerning this question, we would consider taking some action on the question of the manufacture of local soap.

The Member for Kuala Langat has said that the teachings of Mao Tse Tung are written on currency notes and asks us what we would like to do about it. I am afraid this question should be posed to the Honourable Minister of Home Affairs. I cannot do anything because we only issue the currency notes, and if people write on them, it is a question of the Police—it is not for the Minister of Finance.

Lastly, but not the least, I come to the Honourable Member for Johor Timor who said that

Tuan Pengerusi: Ada berapa orang Ahli lagi yang hendak di-jawab.

Dr Ng Kam Poh: Lagi lima minit sahaja.

As to the question of taxes passed on to the consumers and the increase of O.D.Os and corruption, I can only suggest this—I hope the Minister of Commerce and Industry will bear with me—that he will make sure that the taxes, that the excise duties, at least on the local manufactured goods, will be borne by the manufacturers themselves instead of trying to pass this form of excise tax on to the consumer, because we are taxing the companies at the present moment, and this excise tax is put to the companies who are really making money and who are paying fabulous dividends. I hope they will absorb the tax and not pass it to the consumer. That is the object of this tax. I hope the Honourable Minister of Commerce and Industry will agree with me and try to take measures against the passing of this excise tax on to the consumer. That is all I have to say, Mr Chairman, Sir. Thank you.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$4,983,403 untuk Kepala B. 22; \$30,309,678 untuk Kepala B. 23; \$64,200,000 untuk Kepala B. 24; \$13,160,798 untuk Kepala B. 25; \$3,506,458 untuk Kepala B. 26; \$7,774,362 untuk Kepala B. 27 dan \$1,294,303 untuk Kepala B. 28; Kementerian Kewangan di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 5.35 petang.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 5.45 petang.

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Meshuarat Jawatan-kuasa*)

Kepala B. 29—

Menteri Kesihatan (Tuan Bahaman bin Samsudin): Tuan Pengerusi, saya bangun membentangkan Kepala B. 29 berjumlah \$146,319,947 untuk Kementerian Kesihatan bagi tahun 1968.

Ahli² Yang Berhormat akan memerhatikan bahawa di-dalam Anggaran Perbelanjaan Tahun 1968 peruntukan

sa-banyak \$146,319,947 telah pun dibuat bagi Kementerian Kesihatan. Ini menunjukkan tambahan sa-banyak \$6,377,686 daripada tahun 1967. Ahli² Yang Berhormat akan bersetuju dengan saya bahawa tambahan ini ada-lah kecil, tetapi sesuai dengan kedudukan ekonomi negara. Kementerian saya bukan sahaja akan membelanjakan dengan chermat, tetapi juga akan mengambil langkah² untuk menyenggara, memperbaiki dan meluaskan perkhidmatan² mengikut perbelanjaan yang di-adakan. Ini akan di-laksanakan dengan chara memperbaiki kecekapan pentadbiran dengan menyusun sa-mula pegawai² kaki-tangan² dan tenaga² yang ada.

Peruntukan tambahan itu akan diperbelanjakan antara lain-nya:

- (a) Gaji bagi kaki-tangan Kementerian saya yang akan di-tambah dengan 958 jawatan lebih daripada tahun 1967 dan akan berjumlah 29,319;
- (b) Kenaikan gaji tiap² tahun kepada kaki-tangan² yang ada;
- (c) Perbelanjaan bagi ranchangan menghapuskan malaria;
- (d) Perbelanjaan Khas bagi sumbangan tambahan kepada badan² kesihatan antara bangsa.

Peruntukan bagi Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun berjumlah \$50,982,191 di-bandingkan dengan \$51,847,071 bagi tahun 1967. Kekurangan ini telah di-buat kerana anggaran yang lebih tepat bagi perbelanjaan untuk menjalankan Rumah Sakit Latehan dalam tahun 1968, dengan di-ambil ingatan bahawa rumah sakit itu akan di-gunakan sa-penoh-nya pada hujung tahun. Peruntukan bagi Lain² Perbelanjaan Khas bagi tahun 1968 ada-lah \$6,939,490; tambahan sa-banyak \$1,027,230 daripada peruntukan tahun 1967. Tambahan ini kebanyakan-nya untuk Ranchangan menghapuskan Malaria di-Malaysia Barat dan Sarawak.

Saya suka mengkaji dengan ringkas-nya dasar² 'am Kementerian saya dan kemajuan² yang telah di-chapai dalam tahun 1967.

Saya telah membuat banyak lawatan² ka-negeri² dalam Malaysia, dan melawat hampir semua rumah² sakit besar dan kecil, dan pusat² kesihatan. Lawatan² ini ada-lah untuk membolehkan saya membuat kajian sa-dalam²-nya tentang kedudukan sa-benar-nya, dan juga berunding dengan orang² yang berkenaan di-tempat mereka masing² dengan bertujuan menyusun dan memperbaiki di-mana² yang perlu.

Apa yang saya nampak, perkhidmatan perubatan dan kesihatan adalah memuaskan. Pembaikan² sentiasa di-jalankan dengan peruntukan yang ada mengikut keutamaan masing².

KEADAAN KESIHATAN

Negara lagi sa-kali bebas dari bahaya penyakit² berjangkit dalam tahun 1967 dan dengan pengelusan dan kemajuan dalam Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar, dan juga Perkhidmatan Rumah Sakit, kedudukan kesihatan pada keselurohan-nya telah bertambah baik; khas-nya bagi ibu² dan kanak² di-kawasan luar bandar.

Angka kematian telah pun berkurangan dari 7.9 dalam tahun 1965 kepada 7.6 dalam tahun 1968 bagi tiap² 1,000 orang penduduk. Angka bagi tahun 1957 ada-lah 12.4.

Angka kematian kanak² pada tahun 1967 ada-lah 78 bagi tiap² 1,000 kanak² yang di-lahirkan dan telah pun jatuh kepada 50 bagi tiap² 1,000 dalam tahun 1965. Angka ini di-jangka terus akan jatuh lagi di-masa perkhidmatan perubatan sedang berkembang terus di-kawasan luar bandar.

PERKHIDMATAN KESIHATAN LUAR BANDAR

Ada-lah menjadi dasar Kerajaan untuk mengembangkan dan memperbaiki perkhidmatan kesihatan bagi penduduk² di-luar bandar dengan bertujuan memajukan lagi kesihatan mereka supaya dapat mereka mencapai taraf hidup yang lebih tinggi lagi. Dasar ini telah pun di-beri keutamaan terus-menerus oleh Kementerian ini. Pada 31hb Disember, 1967, di-Malaysia Barat ada:

39 Pusat Kesihatan Besar di-bandingkan dengan 8 dalam tahun 1960.

139 Pusat Kesihatan Kecil di-bandingkan dengan 8 dalam tahun 1960.

667 Klinik Bidan di-bandingkan dengan 26 dalam tahun 1960.

Dalam pada itu, ada lagi 338 dispensari tetap di-bandingkan dengan 215 dalam tahun 1960 dan 192 dispensari pelawat mengikut jalan raya dan sungai di-bandingkan dengan 143 dalam tahun 1960.

Di-pusat² kesihatan luar bandar disediakan dengan ubat menyembuhkan penyakit dan juga kemudahan² untuk menchegeh penyakit² seperti layanan kesihatan untuk kanak² dan ibu²; ubat² suntekan untuk menchegeh penyakit; pelajaran kesihatan dan rancangan makanan dan juga langkah² untuk memperbaiki kesihatan kawasan.

Sambutan daripada ra'ayat ada-lah menggalakkan sa-bagaimana yang dinyatakan dengan tambahan kepada ibu² yang bersalin dengan pertolongan bidan² yang terlatah seperti ternyata di-angka² yang berikut:

Jumlah persalinan dengan pertolongan bidan ² bertaualiah dalam tahun 1960	...	...	...	48,083
--	-----	-----	-----	--------

Jumlah persalinan dengan pertolongan bidan ² bertaualiah dalam tahun 1966	...	...	...	68,105
--	-----	-----	-----	--------

Bilangan ra'ayat yang menggunakan kemudahan² perubatan dan kesihatan di-pasat² kesihatan ini ada-lah sedang bertambah.

Jumlah kehadiran di-pusat ² kesihatan dalam tahun 1963	...	2,249,816
---	-----	-----------

Jumlah kehadiran di-pusat ² kesihatan dalam tahun 1966	...	2,432,261
---	-----	-----------

Ini menunjukkan tambahan sa-banyak 182,445 dalam masa tiga tahun.

Rancangan Kemajuan Kesihatan Luar Bandar di-Sarawak terus berkembang dan bilangan Penyelia² Kesihatan yang terlatah bertambah dari 32 kepada 44. Dan lagi 19 ahli² Pasokan Keamanan Sukarela Amerika telah masok berkhidmat dengan Rancangan Kemajuan Kesihatan Luar Bandar untuk menguatkan lagi bahagian ini. Sa-belum daripada ini dispensari² luar bandar hanya mempunyai kaki-tangan² perubatan yang

menyembuhkan penyakit², tetapi sekarang permulaan telah pun di-buat untuk mengadakan kaki-tangan² kesihatan umum di-kawasan² yang ada dispensari² tersebut.

Saya suka mengambil peluang di-sini menyeru supaya peranan yang lebeh chergas lagi di-ambil oleh ra'ayat dalam memajukan keadaan kebersihan di-kawasan mereka. Saya mestilah menegaskan di-sini betapa pentingnya chara menjaga kesihatan di-negara kita ini sa-bagai satu langkah untuk menghalang berjangkit-nya penyakit² melalui ayer, saperti ta'un, demam kepialu, berak darah dan penyakit angin dalam perut.

KEBERSEHAN KAWASAN DAN PENYAKIT² BERJANGKIT

Kementerian saya sedang melancarkan projek² perhubungan kebersihan kawasan di-semua negeri² di-Malaysia Barat. Jawatan-kuasa Perengkat kebangsaan, dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sedang melaksanakan projek² ini melalui Gerakan Maju.

Jawatan-kuasa² di-perengkat² kebangsaan, negeri² dan daerah² telah pun di-ujudkan untuk mengekalkan kecekapan dan menyatukan usaha² dan tenaga² dalam menjalankan rancangan ini.

Projek² perhubungan ini akan menjadi sa-bagai chontoh kepada kawasan² lain untuk mengikutinya dan tenaga² akan di-tumpukan kepada bidang kebersihan kawasan dan mengandongi perkhidmatan kebersihan yang lebeh baik lagi, pembekalan ayer yang cukup dan lebeh selamat dan amalan membuang sampah yang terator.

Peluang juga di-ambil untuk di-masokkan di-dalam rancangan ini satu kempen untuk menghapuskan chaching² di-dalam perut, terutamanya di-kalangan kanak² sekolah.

Alat² dan bahan terutama-nya yang di-perlukan untuk membuka telaga dan di-kawasan projek ini di-jangka akan tiba awal tahun ini. Oleh kerana kerja² merancang dan menyiasat di-Pulau Pinang dan Trengganu telah pun siap, projek² telah pun di-lancharkan di-

negeri² tersebut. Ada-lah menjadi tujuan Kementerian saya untuk menyedak dan mengtaksirkan rancangan² ini dari semasa ka-semasa. Dengan tertuboh-nya satu Bahagian Kejuruteraan Kesihatan Umum di-Kementerian Kesihatan dalam tahun 1967 akan memudahkan pelaksanaan rancangan yang penting ini.

KESIHATAN SEKOLAH

Satu Jawatan-kuasa Kesihatan Sekolah bersama telah di-tubuhkan dalam tahun 1967 dengan Kementerian Pelajaran untuk mengkaji rancangan kesihatan sekolah pada masa sekarang yang ada dalam negeri ini dari semua segi saperti menchehagah penyakit dan kemalangan, layanan perubatan dan perkhidmatan sa-lanjut-nya pelajaran kesihatan dan kebersihan kawasan² kanak² sekolah. Kajian akan juga di-buat terhadap projek² yang telah di-laksanakan untuk membaiki taraf makanan kanak². Kerja berbagai² badan saperti perubatan, pertubohan kebajikan masharakat yang terlibat dalam usaha² untuk meninggikan kedudukan kesihatan di-kalangan kanak² sekolah akan juga di-satukan. Pada akhir-nya di-jangka satu perkhidmatan kesihatan sekolah yang berkesan akan tertuboh. Sa-orang penasihat daripada Pertubohan Kesihatan Sa-Dunia telah pun tiba untuk membantu dalam rancangan kesihatan sekolah ini.

ZAT MAKANAN

Kajian² yang telah di-buat menunjokkan zat makanan yang di-dapati di-kalangan ra'ayat pada 'am-nya adalah memuaskan sunggoh pun di-dapati nyata kekurangan zat "protein" di-kalangan kanak². Ini bukan-lah disebabkan kerana kekurangan makanan yang sesuai, tetapi sebab yang besar ialah kekurangan pengetahuan mengenai zat² makanan. Kementerian Kesihatan bersama dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sedang meranchangkan satu projek perhubungan zat makanan di-perengkat kebangsaan dengan bertujuan untuk menchari langkah² yang sesuai untuk menchehagah kekurangan zat makanan. Sa-orang penasihat dari Pertubohan Kesihatan Sa-Dunia telah tiba hujung tahun lalu untuk membantu kerja²

memulakan projek ini dan ia akan datang lagi di-pertengahan tahun ini untuk membantu menyelesaikan ranchangan ini.

PELAJARAN KESIHATAN

Ranchangan Pelajaran Kesihatan Kementerian ini sedang berjalan dengan baik-nya bukan saja dengan melalui saluran yang di-^{ti}itirafkan, tetapi juga kursus² dan seminar² yang bertujuan menyesuaikan semua kakitangan² perubatan dan kesihatan dengan gerakan² pelajaran kesihatan dalam tugas² mereka hari². Sa-telah di-dapati banyak lagi Pegawai² Penyelia bagi Pelajaran Kesihatan, ranchangan ini akan di-perbesarkan, terutama-nya di-kalangan² ra'ayat luar bandar. Tegasan khas ada-lah di-buat terhadap pelajaran kesihatan dalam Ranchangan Membasmi Malaria supaya ra'ayat akan bersedia menerima ranchangan ini dan di-latehkan peranan mereka dalam ranchangan ini.

Satu majallah suku tahun, bertajok "Berita Kesihatan" sa-banyak 3,000 naskah tiap² satu keluaran telah di-chetak dalam tahun 1967. Perkara² tertentu berkaitan dengan ranchangan kesihatan umum Kementerian ini ada-lah di-binchangkan di-makalah² dengan tegasan khas terhadap peranan ra'ayat dalam ranchangan² ini. Ada-lah di-chadangkan untuk mengeluarkan banyak lagi naskah² majallah ini supaya sampai ka-semua Jawatan-kuasa Kampong dengan bertujuan menggalakkan peranan chergas oleh masharakat di-dalam semua ranchangan² kesihatan.

MALARIA

Malaysia Barat telah melangkah ka-ranchangan menghapuskan malaria seluruh negara di-hujung tahun 1967 sa-telah selesai dengan jaya-nya projek perchubaaan menghapuskan malaria (1960-1964) dan ranchangan bakal menghapuskan malaria meliputi seluruh negara (1964-1967). Butir² kenyataan² dan penerangan² yang penting telah di-perolehi mengenai kuman² malaria, nyamok² yang terlibat, kawasan² berkenaan dan jenis² ubat yang di-jangka berjaya untuk ranchangan menghapuskan malaria di-negeri ini. Ranchangan

ini telah di-ranchangkan untuk meliputi satu jangka waktu sa-kurang²-nya 10 tahun dengan perbelanjaan di-anggar-kan dalam \$85 juta.

Dalam pelaksanaan ranchangan ini, ada-lah di-chadangkan bahawa kakitangan² Perkhidmatan Kesihatan dan Perkhidmatan Mengawal Malaria yang ada sekarang akan di-gunakan dengan bertujuan menyatukan ranchangan menghapuskan malaria dengan perkhidmatan kesihatan dari mula-nya, supaya Kementerian akan mendapat kakitangan yang terlately dan sesuai di-semua peringkat untuk ranchangan ini. Wang yang di-untokkan kapada kerja² mengawal malaria akan di-gunakan bersama² dengan wang yang di-untokkan kapada ranchangan menghapuskan malaria dan dengan beransor² akan di-gunakan semua-nya kapada ranchangan menghapuskan malaria sa-telah ranchangan ini di-perhebatkan. Bantuan daripada beberapa Jabatan² Kerajaan tertentu serta juga kerjasama dari pihak ra'ayat sangat-lah di-perlukan untuk menjayakan ranchangan ini.

Kawasan permulaan gerakan ini ialah di-negeri² sa-belah utara (Malaysia Barat) di-mana kerja² persediaan telah pun bermula di-Perlis, di-daerah² Kubang Pasu dan Langkawi dalam Negeri Kedah dan di-Pulau Pinang, meliputi sa-ramai 400,000 orang penduduk. Tempat² ini akan mendapati layanan semboran ubat yang sempurna dan chukup bagi tahun ini, dan sa-telah itu satu lagi kawasan tertentu akan masuk dalam kawasan persediaan. Proses ini akan berjalan dengan beransor² hingga semua kawasan di-Malaysia Barat telah selesai di-beri layanan. Ada-lah di-jangka apabila tiba tahun 1978 peringkat menghapuskan akan terchapai dan malaria akan di-chegah daripada hidup sa-mula. Kakitangan daripada Penyelia² dan Pegawai² Luar, ada-lah sedang di-lateh di-dalam dan di-luar negeri supaya mereka akan dapat pengetahuan atas perkara pembasmian ini dengan semua chara² dan masaalah²-nya.

Di-Sarawak, sa-lepas tamat-nya konfrantasi, gerakan² membasmi telah pun di-perhebatkan di-seluruh kawasan sempadan antara Sarawak dengan

Kalimantan Indonesia yang mengakibatkan banyak kekurangan penyakit malaria di-kawasan² ini. Dalam tahun 1963 ada-lah di-chadangkan lebeh banyak lagi kawasan² yang akan mendapat semboran ubat, terutama-nya di-kawasan sempadan supaya dapat di-percepatkan lagi kemajuan² terhadap pembasmian. Kerja² membasmi kan malaria di-Sarawak dalam tahun 1968 di-jangka akan menelan belanja sa-banyak \$810,000.

PENYAKIT TIBI

Rancangan Negara mengawal Tibi, yang telah di-lancarkan dalam tahun 1961, untuk menghapuskan tibi sebagai satu masalah kesihatan umum sekarang sedang berjalan dengan sa-penoh-nya dan kemajuan² tertentu terus di-chapai. Semenjak dari permulaan kempen ini sa-jumlah 1,500 kakitangan² perubatan, dan kesihatan telah di-lateh di-dalam berbagai² aspek rancangan mengawal. Hingga masa ini lebeh dari 1.6 juta kanak² telah di-chuchok dengan B.C.G. dan dari bilangan ini lebeh dari 600,000 ia-lah kanak² yang baru bersalin. Semua kanak² yang bersalin di-rumah² sakit di-seluruh negara adalah di-chuchok. Semua yang bersalin di-luar rumah sakit ada-lah di-anggar kan dalam 50% di-chuchok di-Pusat² Kesihatan Luar Bandar dan kanak² yang berumor hingga 6 tahun di-beri B.C.G. terus.

Di-dalam gerakan mengkaji penyakit ini 1.7 juta orang dewasa telah di-X-ray. Bagaimana pun sambutan oleh orang² yang di-jangka ada mengidap penyakit ini apabila di-panggil untuk di-pereksa sa-lanjut-nya di-dapati tiada memuaskan. Dalam 25% daripada orang² ini tiada hadhzir untuk di-pereksa lagi. Dan orang² yang hadhir pula, hampir² $\frac{1}{4}$ tiada dapat di-selesaikan pepereksaan penoh terhadap mereka.

Satu lagi masaalah yang timbul ia-lah apabila orang² sakit tiada mengikut ator² memakan ubat dan layanan perubatan di-dalam masa yang di-tetapkan. Keadaan sa-umpama ini adalah sangat membahayakan, kerana orang² ini akan berada di-dalam keadaan yang sangat susah hendak di-beri layanan sa-mula.

Masaalah ini ada-lah berkaitan dengan kekurangan kakitangan yang ter-lateh yang biasa-nya dapat memberi layanan yang chekap dan chepat kapada ra'ayat. Memandangkan kapada kekurangan kakitangan ini, kejayaan bagaimana pun ada-lah sangat² meng-galakan.

Kejayaan rancangan mengawal ini ada-lah terletak pada akhir-nya di-atas kerjasama dan sokongan yang di-terima dari ra'ayat. Untuk menggalakkan peranan yang lebeh besar lagi daripada ra'ayat dalam rancangan mengawal ini, Persatuan Menchegeh Tibi Malaysia, bersama² dengan Kementerian saya, telah melancarkan Projek Peranan Ra'ayat di-Daerah Kinta. Rancangan ini mendapatkan pertolongan dari pekerja² sukarela² untuk memberi pelajaran, nasihat dan berhubung rapat dengan orang² yang mengidap penyakit tibi supaya mereka dapat menghadhiri dengan rajin di-Klinik² dada untuk layanan.

Kementerian saya telah bernasib baik mendapatkan perkhidmatan 30 ahli² sukarela Pasokan Keamanan Amerika dalam tahun 1967 untuk menyatukan kerja² kempen dari segi pentadbiran dan pertubohan di-pusat² dan kelinik² mengawal tibi. Kerja² keras mereka telah memberi kesan yang besar terhadap masaalah ini.

Pengajian dalam satu jenis ubat tibi yang baharu yang di-jalankan bersama² dengan Majlis Penyelidikan Perubatan Great Britain ada-lah sedang di-buat. Telah pun ada kukti² yang menunjokkan bahawa ubat ini akan berguna untuk mendapatkan kerjasama yang rapat dari orang² sakit apabila rawatan di-beri kapada mereka.

Di-Sarawak, projek mengawal tibi telah beraleh ka-kawasan luar bandar dari kawasan dalam bandar. Latehan kakitangan telah di-jalankan dalam tahun 1967 kerana chara² yang di-gunakan di-kawasan dalam bandar perlu di-pinda untuk menyesuaikan dengan keadaan di-luar bandar.

KAWALAN KUSTA

Di-lapangan mengawal kusta tegas-nya ada-lah pada memberi pepereksaan dan rawatan awal kapada penyakit ini

yang tiada berjangkit; tiada-lah banyak di-masokkan ka-rumah sakit orang² yang mengidap penyakit ini. Kelinik² kulit ada-lah sedang di-dirikan untuk di-beri rawatan kepada penyakit² yang tiada berjangkit. Untuk menchapaikan tujuan ini, 150 Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Kesihatan telah pun di-beri latehan yang mendalam dalam kerja² memereksa penyakit kusta, menyelia orang² sakit dan memereksa orang² yang telah bersentoh dengan mereka² yang telah mengidapi penyakit itu.

Apabila Ranchangan Mengawal Kusta ini mula di-jalankan dengan berkesan, jumlah bilangan orang² sakit akan berkurangan dari sa-tahun ka-satahun dan dengan ini dapat-lah menyelamatkan perbelanjaan. Dan juga orang² sakit ini tiada-lah menjadi mangsa kebenchian masharakat yang selalu-nya terkena kapada orang² sakit yang telah di-masokkan ka-rumah sakit.

Satu bangunan untuk Pendaftaran Kusta Negara ada-lah di-jangka siap dan berjalan dengan sa-penoh-nya di-awal tahun 1968.

KAWALAN UNTUT

Kawalan penyakit untut di-Negeri² Kedah, Penang, Perak, Pahang dan Johor sedang berjalan dengan memuaskan. Tujoh pasukan sedang bertugas di-Negeri² ini. Bagaimana pun ranchangan ini tiada-lah berjalan dengan lancar-nya kerana maseh ada tempat² binatang membiak.

Kerjasama daripada ra'ayat, terutama-nya mengambil rawatan perubatan yang chukup, ada-lah perlu sa-belum penyakit ini dapat di-kurangkan lagi.

PENYAKIT PURU

Penyakit ini telah dapat di-hapuskan daripada hampir² semua negeri dan sekarang chuma di-dapati di-kawasan² sempadan di-mana penyakit ini tidak kerap berlaku.

DEMAN KEPIALU

Penyakit ini sudah berkurangan semenjak 1965, apabila di-dapati chuma 15.1 sahaja dari tiap² 100,000 orang penduduk. Dalam tahun 1966,

di-dapati 11.4 dari tiap² 100,000 orang penduduk. Kerja² menchegeh di-semua kawasan terutama-nya di-kawasan yang telah terkena banjir telah menghasilkan kekurangan penyakit ini. Sa-jumlah besar daripada penyakit ini maseh lagi di-dapati di-kawasan luar bandar di-mana di-dapati tiada bekalan ayer yang selamat.

PENYAKIT KERONGKONG

Penyakit ini telah pun berkurangan dari 18.4 tiap² 100,000 orang penduduk dalam tahun 1965 kapada 11.7 tiap² 100,000 orang penduduk dalam tahun 1966. Ini ada-lah di-sebabkan gerakan menchegeh yang di-jalankan oleh Kementerian saya dengan menggunakan "triple antigen" kapada semua kanak² yang menghadhiri kelinik dan pusat² kesihatan. Ada-lah di-harapkan bahawa dengan di-luaskan perkhidmatan ini, penyakit ini dapat di-kurangkan lebeh banyak lagi.

PENYAKIT LUMPOH

Penyakit ini tiada-lah menjadi satu masalaah kesihatan di-negeri ini. Dari-pada 4.97 tiap² 100,000 orang penduduk yang mengidap penyakit ini dalam tahun 1965, telah pun turun bilangan-nya kapada 1.2 tiap² 100,000 orang penduduk dalam tahun 1966.

PENYAKIT CHACHAR

Tiada pun penyakit ini di-laporkan dalam tahun 1967. Tiap² kanak² di-wajibkan chochok dengan ubat melawan penyakit ini. Dalam tahun 1966 bilangan kanak² di-chochok ia-lah 192,383 di-bandingkan dengan 174,614 dalam tahun 1960. Sa-jumlah 154,962 kanak² di-chochok semula dalam tahun 1966. Bilangan kanak² yang biasa-nya di-chochok ada-lah dalam 80%, dan angka ini ada-lah memuaskan. Kemasakan penyakit ini ka-negeri ini telah di-chegeh melalu² kawalan ketat di-semua tempat² masok ka-negeri ini. Orang² dari luar negeri yang datang ka-negeri ini ada-lah di-perlukan ada sijil chochok.

PERSIDANGAN² KESIHATAN SEMPADAN

Dengan bertujuan menyatukan kawalan terhadap penyakit² berjangkit pada 'am-nya dan penyakit malaria

khas-nya, antara negara² jiran, telah pun di-adakan beberapa persidangan kesihatan sempadan tahunan antara Thailand dan Malaysia samanjak 1959. Ini telah menghasilkan penyatuan ranchangan² menghapuskan malaria di-kedua² negeri tersebut dan di-Thailand ranchangan ini telah pun sampai ka-perengkat yang akhir. Penyakit² lain seperti taun, chachar, puru, penyakit anjing gila dan demam panas juga di-binchangkan. Persidangan yang terakhir sa-kali di-adakan di-Pulau Pinang dalam tahun 1967.

"Meshuarat menyatukan Malaria" sempadan Borneo dengan Kerajaan Indonesia telah di-hidupkan sa-mula dan satu meshuarat telah di-adakan di-Kuching dalam tahun 1967. Persidangan ini yang di-hadhiri oleh wakil² dari Malaysia Barat, Sabah, Sarawak dan Indonesia telah mengesahkan kepada Kerajaan masing² chara² kerjasama dan penyatuan usaha² dalam membasmi malaria dan juga masalah² kesihatan yang lain untuk faedah bersama kedua² negeri.

Oleh kerana penyakit tiada mengenali sempadan, persidangan² kesihatan sempadan sa-umpama ini antara negeri² jiran ada-lah sangat berharga di-dalam kawalan penyakit berjangkit 'am-nya dan penyakit malaria khas-nya.

PUSAT KESIHATAN UMUM

Pembukaan rasmi Pusat Kesihatan Umum dalam tahun 1967 menandakan satu langkah penting di-lapangan memajukan kesihatan, sa-lain dari latehan² untuk berbagai² kaki-tangan kesihatan. Pusat ini akan menyemak dan mentaksir ranchangan kesihatan luar bandar—gerakan² dan alat²-nya—dengan bertujuan untuk menjadikannya lebih berkesan, cekap dan ekonomi. Ada-lah di-harapkan bahawa pada permulaan Ranchangan Pembangunan Malaysia yang kedua, hasil yang di-perlukan akan tercapai.

MEMBAIKI RUMAH² SAKIT

Kerja² membaiki rumah sakit akan di-teruskan. Ini termasuk-lah mengadakan kemudahan² yang lebih baik dengan wad² baru dan memperbaiki

wad² yang ada sekarang, tambahan atau menggantikan jabatan orang sakit luar, bilek belah, wad beranak, alat² kebersihan dan banyak lagi kemudahan² yang lain.

LAYANAN PERUBATAN

Dengan bertambah-nya permintaan layanan perubatan yang lebih baik, akibat dari taraf pelajaran yang lebih baik, dan dengan bertambah-nya bilangan orang² sakit yang di-hantar ka-rumah sakit oleh berbagai² perkhidmatan kesihatan dan kelinik² berseendirian di-negeri ini telah mengakibatkan banyak lagi orang² meminta rawatan perubatan moden dan nasihat di-rumah sakit:

	1965	1966	Tambahan %
Masuk rumah sakit . .	423,393	432,954	2.26
Datang ka-rumah sakit	5,952,787	6,056,718	1.79

Kemajuan telah di-chapai lagi untuk menguruskan masalah kekurangan tempat di-kebanyakan rumah² sakit. Wad kelas satu dan wad beranak di-Ipoh telah pun siap dan sekarang telah di-gunakan. Jabatan Radiotherapy yang baru di-Rumah Sakit Umum, Kuala Lumpur di-jangka akan siap dalam suku pertama tahun ini dan "North Ward Block" di-suku kedua. Rumah sakit baharu di-Seremban di-jangka akan siap sa-belum akhir tahun ini.

Unit Neuro-Surgical di-Kuala Lumpur akan di-besarkan lagi apabila wang di-dapati daripada Yayasan Neuro-Surgical Malaysia. Yayasan ini berchadang mengeluarkan sa-bahagian daripada belanja membesarkan pusat ini dan sa-bahagian dari pegawai² yang di-perlukan untuk berkhidmat di-unit ini.

KAKI-TANGAN²

Masih lagi banyak kekurangan doktor², doktor² gigi dan Ahli² Kimia Ubat bukan saja yang di-perlukan untuk berkhidmat dengan perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang sedang meluas, tetapi juga di-bidang perniagaan sendiri.

Kerajaan ada-lah penoh sedar dengan kekurangan ini dan telah melantek satu Jawatan-kuasa Terpilih,

Pengerusi-nya Tan Sri Nik Ahmad Kamil untuk mengkaji bukan sahaja masalah ini, tetapi juga masalah² lain yang berkaitan dengan perkara² perubatan dan pergigian seperti kelayakan dari luar negeri, masa yang diwajibkan berkhidmat dengan Kerajaan dan juga menyemak sa-mula Undang² Pendaftaran Perubatan dan Pergigian. Perlu-nya di-beri keselamatan kepada orang ramai dari bahaya rawatan doktor² yang tiada berkelayakan juga sedang di-kaji oleh Jawatan-kuasa ini.

Antara langkah² yang telah di-ambil atau di-chadangkan di-ambil oleh Kementerian saya untuk mengatasi masalah kekurangan doktor di-dalam perkhidmatan ini ia-lah:

- (i) Pengambilan doktor² dari luar negeri di-uruskan antara Kerajaan, dan 12 doktor² dari Republik Arab Bersatu akan tiba tiada berapa lama lagi.
- (ii) Pengambilan doktor sa-chara berseendirian dan mereka² yang mempunyai kelayakan yang di-itirafkan sekarang sedang di-timbang untuk berkhidmat sa-chara konterek.
- (iii) Pindaan kepada Undang² Pendaftaran Perubatan untuk membolehkan pendaftaran warga-negara Malaysia yang beroleh kelayakan dari luar negeri sa-lepas memenohi syarat² tertentu.
- (iv) Bertambah-nya pengambilan penuntut² perubatan di-Universiti Malaya dan sekarang telah pun terchapai bilangan yang tertinggi sa-kali dengan kemasokan 120 penuntut² sa-tahun.
- (v) Dengan memenohi semua tempat² di-universiti² luar negeri yang di-dapati melalui Ranchangan Colombo.
- (vi) Chadangan untuk menambah bilangan doktor² berseendirian yang bekerja sa-paroh masa berkhidmat dengan Kementerian.

Juga ada chadangan untuk meminda Undang² Pendaftaran Pergigian sa-laras dengan Undang² Pendaftaran Perubatan untuk membolehkan pendaftaran doktor² gigi Malaysia yang

beroleh kelayakan dari luar negeri. Dan lagi perhatian yang berat sedang di-ambil terhadap chadangan menubuhkan Fakulti Pergigian di-Universiti Malaya supaya ada satu puncha yang tetap untuk mengeluarkan doktor² gigi di-negeri ini.

Kementerian ini juga sedang berikhtiar mengadakan satu Sekolah Kimia Ubat di-Universiti Malaya supaya dapat memenohi keperluan ahli² kimia ubat yang berkelayakan.

HARAPAN DI-MASA DEPAN

Harapan untuk mengatasi kekurangan doktor di-masa depan yang sengkak ada-lah bertambah cherah. Dalam tahun 1968 seramai 60 warga-negara Malaysia di-jangka akan lulus keluar dari Universiti Singapura dan seramai 15 orang doktor² di-bawah biasiswa Ranchangan Colombo dari Australia dan India. Ada-lah di-ketahui bahawa ada tidak kurang dari 50 lagi penuntut² perubatan yang pergi ka-luar negeri dengan perbelanjaan sendiri akan mendapat kelayakan dalam tahun ini. Ada-lah juga di-harapkan dari bilangan permohonan² dari doktor² luar negeri yang mempunyai kelayakan yang di-itirafkan, dalam 30 hingga 40 doktor² akan di-ambil. Mulai dari tahun 1969 ka-hadapan Fakulti Perubatan kita sendiri akan mula mengeluarkan doktor²—mula-nya lebeh kurang 60 orang dan beransor² ka-100 orang sa-tahun.

Latehan² terhadap kakitangan sa-paroh perubatan yang telah di-luaskan dengan sa-luas²-nya dalam tahun 1960, sekarang di-dapati mengeluarkan hasil dan di-banyak bahagian² kekurangan ini telah dapat di-atasi.

PUSAT PENYELIDEKAN PERUBATAN

Pusat Penyelidikan Perubatan sekarang sedang mengambil bahagian dengan chergas-nya bukan sahaja terhadap Penyelidikan Penyakit² Tropikal Tempatan tetapi juga di-dalam perubatan Sekretariat Kementerian Pelajaran Tenggara Asia. Di-Sekretariat ini, penyatuan yang luas bagi gerakan² penyelidikan dalam perubatan tropikal sedang di-atorkan dengan negeri²

saperti Indonesia, Thailand, Philip-pines, Vietnam, Laos dan Singapura.

Kemajuan² telah di-perluaskan lagi dalam tahun 1967 dalam perkara Bahagian Penyelidekan dan ahli² sains supaya Pusat Penyelidekan ini dengan beransor² mendapati balek status-nya. Penyelidekan akan di-teruskan dalam perkara penyakit malaria, untuk cha-ching² dan penyakit² jantung, limpa dan mulut. Satu penyelidekan penting sedang di-ranchangkan untuk meng-kaji dengan teliti-nya kedudukan kesihatan ra'ayat luar bandar dengan bantuan dari puncha² tertentu. Sa-lain daripada penyelidekan, Pusat Penyelidekan Perubatan ada juga ranchangan latehan untuk Pembantu Ma'amal dan Pembantu Ma'amal Muda.

TABONG DARAH DAN PERKHIDMATAN PEMBERIAN DARAH

Tabong Darah dan Perkhidmatan Pemberian Darah seluroh negara sedang di-susun sa-mula. Satu Majlis Kebangsaan telah pun di-tubuhkan untuk :

- (i) Menjalankan susunan sa-mula ini supaya ada penyamaan yang

sempurna antara Tabong Darah Kebangsaan dan bahagian²-nya di-perengkat negeri dan daerah;

- (ii) Melancharkan gerakan untuk menambah bilangan penderma² darah di-semua perengkat;
- (iii) Mengambil berat tentang hal ehwal penderma dan mengadakan galakan di-mana yang perlu.

Latehan

Tuan Pengerusi: Masa sudah chukup.

Majlis Meshuarat bersidang sa-mula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, saya suka mema'alumkan, ia-itu Jawatan-kuasa Rang Undang² Perbekalan tahun 1968 telah sampai pada Kepala B. 29, Kementerian Kesihatan dalam Jadual Rang Undang² ini.

Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 10.00 pagi esok.

Meshuarat di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.